

"DAN Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Isra', ayat 23.

WAKTU SEMBAHYANG    IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.36 | ISYAK 7.51    Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70    BILANGAN 77    28 JUN 2025 / 1447 محرم 2    JABATAN PENERANGAN    EDISI SABTU / PERCUMA

# JADIKAN ISLAM SEBAGAI TERAS PANDUAN HIDUP, PENTADBIRAN

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Kita sedia memahami, bahawa era hari ini adalah era yang tidak menentu, yang berlaku di dalamnya pelbagai kemelut atau krisis.

Maka oleh itu, kita adalah diperlukan untuk sentiasa waspada bagi menepis apa jua perkara yang tidak diinginkan dari menjangkiti kita.

Misalnya, perkembangan dan kepesatan teknologi menggunakan Artificial Intelligence (Kecerdasan Buatan -AI) adalah seumpama 'penghijrahan' yang kini kita alami dalam kehidupan seharian.

Demikian antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu 1447 di Istana Nurul Iman.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu 1447 di Istana Nurul Iman.

## Berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun, Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3)

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Pelita Brunei

pelitabrunei

pelitabrunei

## Berita Utama

TETAMU KEHORMAT MAJLIS

YANG BERTAMBAH

SETIA DAN MAHAJAHATI HAJI

MENTEINTEI INDIKATI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

UN

28 ZI

15 JU

25M

283 warga Kementerian Pendidikan terima Pingat Kerja Lama

Muka 9

THAILAND Grand Fair meriahkan CFTE31

Muka 13

KONGSI maklumat peranan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Muka 18

RENCANA

MENGETAHUI lebih dekat, kepelbagaian institusi Kesatuan Eropah

Muka 28

## &gt;&gt; Muka 1

Meskipun perkara ini diambil positif, tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, namun harus diingat jika AI disalahgunakan oleh mana-mana pihak, ia boleh menjadi ibarat 'virus' yang merebak secara dalaman yang boleh meracuni pemikiran dan mengelirukan minda kita serta boleh memesonkan akidah seseorang.

"Pada hakikatnya, beta amat yakin dan optimis, bahawa kita insyaaAllah mampu untuk menjadi sebuah negara yang mantap dengan pembangunan berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Perkara ini telah pun terbukti berjalan baik dan insyaaAllah ia akan berterusan pelaksanaannya.

"Mengapakah perkara yang baik ini sentiasa memihak kepada kita? Jawabnya, kerana kita sentiasa konsisten menjadikan Islam sebagai teras panduan hidup, bahkan panduan dalam pentadbiran. Kita sentiasa patuh mengikut apa-apa yang disuruh oleh agama dan tidak membuat apa-apa yang dilarang oleh agama," jelas Kebawah Duli Yang

Maha Mulia.

Ini titah baginda menjadi dalil, bahawa iman dan takwa sedang subur di bumi bertuah ini, Brunei Darussalam. Maka kerana itulah janji Allah sedang dan telah berlaku ke atas kita, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-A'raf, ayat 96, tafsirnya :

"*Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami bukakan pintu kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi*".

Seyogia diingat, tegas Kebawah DYMM, bahawa berkat itu bukanlah satu tetapi pelbagai.

Jelas baginda, negara aman adalah berkat dan negara makmur juga adalah berkat, begitu juga ketaatan kepada Ulu' Amri adalah berkat dan rakyat hidup bersatu padu adalah berkat dan lain-lain seumpamanya.

"Oleh itu, keperluan untuk

mengekalankan berkat adalah perkara yang utama. Tetapi bagaimanakah cara untuk mengekalankan berkat itu? Caranya, kita anak watan hendaklah terus menyiram bumi kesayangan kita, Brunei Darussalam dengan iman dan amal takwa.

"Jika ini berlaku, maka insyaaAllah, akan kekallah berkat itu. Akan tetapi, cabaran untuk mengekalankan 'berkat' itu tetap ada. Antaranya, dalam meniti arus kemodenan, teknologi AI di dunia siber kini menjadi semakin canggih dan digunakan secara meluas dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia juga menyebabkan kesukaran kita untuk menilai dan membezakan yang mana realiti atau yang diada-adakan," titah Kebawah DYMM.

Dalam titah, baginda juga menekankan mengenai segelintir masyarakat kini sanggup melakukan apa sahaja untuk menipu di mana AI digunakan

■ Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

sebagai cabang fitnah di media sosial.

Sedikit demi sedikit, tegas Kebawah DYMM, penyebaran fitnah di akhir zaman ini boleh menghakiskan 'keberkatan' dengan melunturkan pegangan dan pengamalan ugama Islam.

Oleh itu, selamatkanlah diri kita dari fitnah seumpama ini titah baginda dengan memperkukuhkan iman dan ilmu pengetahuan agama yang kuat.

Maka bersempena kita memasuki Tahun Baharu 1447 Hijrah ini, Kebawah DYMM ingin menyarankan supaya para da'ie dan penceramah ugama akan terus mempromosikan langkah untuk mengekalankan berkat, supaya sama-sama kita, tanpa ada kecualinya, menghayati kehidupan beriman dan bertakwa yang membawa kepada berkat itu.

Terdahulu dalam titah,

Kebawah DYMM merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana mengizinkan kita untuk menyambut Tahun Baharu 1447 Hijrah 1447 dalam keadaan riang dan selesa.

Semoga Tahun Baharu Hijrah yang kita sambut ini titah baginda akan membawa 'keberkatan' kepada kita semua dan negara, dengan keamanan dan kemakmuran menjadi milik kita, dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk.

"Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Menyambut 1447 Hijrah 1447 kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini, semoga sama-sama kita dilimpahi rahmat oleh Allah, dan negara berada dalam selamat. *Amin Ya Rabbal Alamin*," titah baginda lagi mengakhiri Titah Perutusan.



## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI   | MUHAMMAD HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|------------|--------|-----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 28         | SABTU  | 2               | 4.37  | 4.47  | 6.11   | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36    | 7.51  |
| 29         | AHAD   | 3               | 4.37  | 4.47  | 6.12   | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36    | 7.52  |
| 30         | ISNIN  | 4               | 4.37  | 4.47  | 6.12   | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36    | 7.52  |
| 1 Julai    | SELASA | 5               | 4.37  | 4.47  | 6.12   | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36    | 7.52  |
| 2          | RABU   | 6               | 4.38  | 4.48  | 6.12   | 6.36 | 12.25 | 3.51 | 6.36    | 7.52  |
| 3          | KHAMIS | 7               | 4.38  | 4.48  | 6.13   | 6.37 | 12.26 | 3.51 | 6.36    | 7.52  |
| 4          | JUMAAT | 8               | 4.38  | 4.48  | 6.13   | 6.37 | 12.26 | 3.51 | 6.37    | 7.52  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



| SABTU               |                | AHAD           |                | ISNIN                                                                               |                                                                                     |                                                                                      |
|---------------------|----------------|----------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| Bandar Seri Begawan | 32<br>25<br>°C | 32<br>25<br>°C | 33<br>24<br>°C |  |  |  |
| Pekan Bangar        | 32<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |  |  |
| Pekan Tutong        | 32<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C | 33<br>24<br>°C |  |  |  |
| Kuala Belait        | 33<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |  |  |

Wallahuallam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

28 JUN 2025

### Kawal emosi negatif untuk keseimbangan, kesejahteraan mental

**S**ETIAP manusia mempunyai emosi. Emosi ialah perasaan terhadap sesuatu dan ia mempunyai aspek kognitif dan afektif yang boleh mendorong kita untuk melakukan sesuatu tindakan dan sebahagiannya juga bergantung pada kepercayaan dan persepsi kita. Justeru itu, emosi bukanlah kuasa yang buta atau dibuat-buat tetapi sebahagian daripada keperibadian kita. Emosi, terutamanya dalam konteks kesihatan mental, selalunya kelihatan seperti melayari lautan yang bergelora. Di tengah-tengah arus emosi yang bergelora ini, bimbingan daripada orang-orang penting seperti keluarga terdekat, sahabat-sahabat yang baik ataupun pakar kesihatan mental ditambah dengan kebijaksanaan ajaran Islam, berfungsi sebagai suar harapan, memandu kita ke arah ketenangan jiwa.

Menguasai emosi adalah penting untuk kesejahteraan kita secara menyeluruh sebagai seorang Muslim dan mengetahui cara mengendalikan perasaan kita, terutama perasaan negatif seperti kemarahan, kesedihan berlebihan, rasa iri hati dan dengki adalah sangat penting. Al-Quran dan hadis menarik perhatian khusus kepada kepentingan menguruskan kemarahan, menekankan kesabaran, sifat mudah memaafkan dan kebolehan untuk mengawal diri sebagai keutamaan yang penting. Ajaran Islam dari aspek ini bertindak sebagai panduan, menawarkan peta jalan yang tepat untuk mengemudi kerumitan kemarahan serta emosi negatif yang lain agar keseimbangan mental kita tidak terkesan. Mengintegrasikan ajaran ini ke dalam kehidupan seharian memupuk daya tahan, menggalakkan kedamaian dalaman dan kesejahteraan kesihatan mental yang teguh dalam masyarakat Islam.

Menjaga emosi sangat berkait rapat dengan penjagaan kesihatan mental dan kepentingan menjaga kesihatan jelas terbukti apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sentiasa memohon kesempurnaan kesihatan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud bahawa Abdullah bin Umar Radiallahu Anhuma berkata : "Rasulullah tidak meninggalkan doa-doa berikut pada setiap waktu petang dan pagi, iaitu :

Maksudnya : "Ya Allah aku memohon kesempurnaan kesihatan dalam urusan dunia dan akhirat, Ya Allah aku memohon keampunan dan kesempurnaan kesihatan dalam urusan agamaku, duniaku, keluargaku hartaku. Ya Allah! Tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di dalam hatiku. Ya Allah! Jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku serta aku memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar (dalam keadaan tidak sedar) dari bawahku". Selain itu, kita juga digalakkan untuk sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dalam hati untuk sentiasa berasa tenang. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 : Tafsirnya : "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala)". Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT KE MAJLIS BACAAN DOA AKHIR TAHUN, AWAL TAHUN HIJRAH 1447 PERINGKAT NEGARA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



**KIARONG**, Khamis, 26 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara berlangsung lewat petang tadi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin

Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Doa Akhir Tahun Hijrah sebanyak tiga kali dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama.

Sejurus itu, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya Doa Awal Tahun Hijrah dibacakan sebanyak tiga kali oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan diteruskan dengan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara (kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan adinda DYTМ berkenan menerima junjung ziarah.

Sembahyang Hajat Berjemaah.

Bagi memohon berkat dan rahmat pada majlis yang berkebajikan berkenaan, Doa Selamat dibacakan sekali lagi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Tema Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447

Peringkat Negara ialah 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan'.

Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



DYTМ Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan paduka adinda DYTМ serta jemaah yang hadir menadah tangan ketika Doa Awal Tahun Hijrah dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (atas, kiri dan kiri sekali).

TEMBAKAN meriam sebanyak 21 das dilepaskan (bawah).



JEMAAH yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan (atas kiri dan atas kanan).



# KHIDMAT AJKT MASJID MAKMURKAN PEMBANGUNAN MASJID

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).

Jawatankuasa masjid perlu memikirkan bagaimana sebaiknya ia dapat sama berperanan membantu imam.

Begitu juga dalam hal ehwal tambah Yang Berhormat lagi, di mana imam sebagai Pengerusi Jawatankuasa Takmir bertanggungjawab ke atas perkara-perkara pentadbiran seperti pengurusan fail-fail dan buku-buku catatan kewangan dan harta masjid dan AJKT untuk sama-sama memikirkan dalam meringankan bebanan tugas seperti ini supaya sentiasa teratur.

Tegas Yang Berhormat lagi, AJKT seharusnya bertimbang rasa kepada imam yang sedia dengan tugas utamanya memimpin ibadah dan di celah-celah itu ialah juga menyantuni hal ehwal suka duka orang ramai dalam mukim masjid dan tadahannya.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan, AJKT Masjid adalah untuk berkhidmat memenuhi keperluan sesebuah masjid yang dibangunkan untuk dimakmurkan.

Menurut Yang Berhormat lagi, walaupun kita menyedari dan mengetahui bahawa kerja atau khidmat kerja mentakmirkan masjid itu bukan kerja seorang dua, bukan kerja imam seorang diri sebagai Pegawai Masjid dan pegawai-pegawai yang seumpama imam dan bilal yang bertugas di masjid ini.

Untuk itulah ujar Yang Berhormat, Jawatankuasa Takmir Masjid ditubuhkan dan ahli-ahlinya termasuk penasihat-penasihatnya dilantik menerusi pemilihan terbuka dalam kalangan penduduk dalam mukim masjid.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato



Paduka Haji Mohammed Yunus yang juga selaku Penasihat AJKT Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang tahun 2025 hingga 2027.

Penasihat-penasihat AJKT Masjid lain bagi sesi 2025 hingga 2027 ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; Setiausaha Tetap (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang serta beberapa penasihat yang lain.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat dalam ucapan alu-aluannya berkata majlis berkenaan adalah tanda penghargaan dan terima kasih atas jasa, pengorbanan dan khidmat bakti barisan AJKT sesi yang lalu yang telah mencurahkan tenaga, masa dan idea demi memakmurkan rumah Allah yang kitani cintai ini dan semoga segala usaha biskita semua diganjar pahala yang berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, beliau juga mengalu-alukan kehadiran barisan AJKT baharu yang telah diberi amanah untuk meneruskan

perjuangan murni berkenaan dan seterusnya berharap semoga kerjasama dan semangat ukhuwah Islamiah, AJKT sesi 2025 hingga 2027 akan meneruskan kesinambungan pembangunan rohani dan jasmani jemaah masjid serta terus memartabatkan fungsi masjid sebagai pusat ibadah, pendidikan dan kemasyarakatan.

Seramai 66 AJKT Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang telah dilantik bagi sesi 2025 hingga 2027 menerima siji diikuti dengan penyampaian Sijil Penghargaan kepada 53 mantan AJKT Masjid SSBRPAD sesi tahun 2022 hingga 2024.

Acara juga diselenggarakan dengan acara Tahlil dan Doa Kesyukuran bagi kepelangan jemaah haji bagi AJKT Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang.

Adapun tujuan dan objektif majlis berkenaan adalah bagi menghargai jasa khidmat dan sumbangan mantan AJKT Masjid 2022 hingga 2024 serta merasmikan pelantikan AJKT Masjid 2025 hingga 2027 ke arah memperkukuh amanah, dedikasi dan kerjasama dalam pengurusan masjid khususnya untuk majlis dan aktiviti yang diadakan pada masa akan datang dalam mengimarahkan masjid berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan mengenai tujuan penubuhan keanggotaan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, syarat-syarat pemilihan, syarat pelantikan Penasihat, tempoh keahlian jawatankuasa, pengesahan pelantikan ahli-ahli jawatankuasa, tugas dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid.

Yang Berhormat dalam ucapannya pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada mantan AJKT Masjid Tahun 2022 hingga 2024 dan Sijil Pelantikan AJKT Baharu Tahun 2025 hingga 2027 Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang seterusnya berkata Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir terpilih adalah melalui pemilihan terbuka.

Imam jawatannya sebagai Pegawai Masjid tambah Yang Berhormat, adalah ditentukan memegang tanggungjawab jawatannya dengan diberi kuasa

yang berupa amanah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Takmir dan sekali gus menjadi Bendahari yang mengawal hal ehwal kewangan dan apa-apa yang disebut sebagai 'harta masjid'.

Dari sudut tanggungjawab kata Yang Berhormat lagi, imam selaku Bendahari Jawatankuasa Takmir setentunya bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Takmir. Sementara selaku pemegang jawatan Pegawai Masjid tentu pula kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid dan seterusnya kepada pihak yang diberikan kuasa memeriksa oleh Kementerian, iaitu Unit Audit Dalam yang bertugas bagi mengawasi hal ehwal kewangan masjid dan harta masjid supaya teratur menurut Peraturan Kewangan (FR), bagi menepati kehendak-kehendak pengurusan kewangan dengan penyata-penyata yang betul dan teratur untuk pemeriksaan oleh Jabatan Juruaudit Agung.

Sementara itu tegas Yang Berhormat, satu hal yang juga akan diperiksa oleh Unit Audit Dalam Kementerian ialah hal ehwal pengurusan bangunan dan peralatan masjid dan hal ehwal penjagaan apa-apa yang dimaksudkan sebagai harta masjid.

## 224 warga Kementerian Kesihatan terima P.K.L

**BERAKAS**, Khamis, 26 Jun. - Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian

Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun bagi Tahun 2024, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Kemudian diteruskan dengan penyampaian P.K.L yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Pada tahun ini, seramai 224 pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan menerima P.K.L bagi tahun 2024.

Majlis yang diadakan berkenaan adalah sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih atas jasa bakti para pegawai dan kakitangan yang telah

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam bidang tugas masing-masing.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad

Khairuddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat; ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan pingat kepada penerima.



JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

**Fikir sebelum beli**

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

## Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447

### Daerah Temburong



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu khas pada Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong (atas dan atas kanan).

**TEMBURONG**, Khamis, 26 Jun. - Bagi menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam yang termaktub dalam takwim Hijrah iaitu menyambut Tahun Baharu Hijrah, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447, lewat petang tadi bertempat di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat seluruh negara.

Di Daerah Temburong, tumpuan acara tersebut diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan

Bangar, Temburong dan hadir selaku tetamu khas ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.



Kira-kira 300 orang terdiri daripada ketua-ketua cawangan jabatan, para pegawai dan kakitangan jabatan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ahli jawatankuasa takmir masjid, Persatuan Saudara Baru Temburong (PESAT), guru-guru sekolah agama dan Arab (lelaki) dan pasukan-pasukan beruniform menghadirkan diri ke masjid tersebut.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun 1446H dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Awang Muhammad Syami bin Haji Zaini, diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar yang kemudian turut mengepalai bacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1447H.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Majlis tersebut diteruskan lagi dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Ba'diah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis yang bertemakan 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan' ini dihasratkan agar rakyat dan penduduk NBD dapat menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam dengan menghayati sejarah penghijrahan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah.

Di samping itu, untuk meneruskan budaya amalan mengakhiri Tahun Hijrah dan memulakan Tahun Baharu Hijrah dengan memohon doa untuk kesejahteraan serta limpah rahmat

ke atas raja dan seterusnya kemakmuran serta keberkatan ke atas NBD dan seluruh penduduknya.

Ia juga mengajak generasi belia untuk meneladani serta mengamalkan kehidupan seharian sebagaimana yang diajarkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut dapat mengeratkan perpaduan dan silaturahim serta mendapat keberkatan dan seterusnya dapat menerapkan nilai-nilai yang bermanfaat dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara untuk kepentingan semua dalam menyemarakkan lagi Sambutan Ial Hijrah bagi Tahun 1447H / 2025M di Daerah Temburong.

### Daerah Tutong



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**TUTONG**, Khamis, 26 Jun. - Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 diadakan serentak di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat seluruh negara lewat petang tadi. Bagi peringkat Daerah Tutong, tumpuan majlis diadakan di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah

Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua kampung, para pegawai dan kakitangan kerajaan serta penduduk Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan zikir dan Doa Akhir Tahun 1446 Hijrah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SKIIPA), Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman.

Seterusnya Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Sahibol Omar



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu khas pada Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong (atas dan atas kiri).

bin Haji Mohd. Yussof yang juga mengepalai bacaan Doa Awal Tahun 1447H.

Majlis juga diselenggarakan dengan Sembahyang Sunat Ba'diah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan diakhiri dengan Doa Selamat bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei

Darussalam beroleh kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar daripada segala wabak penyakit dan bala bencana.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah kali ini bertemakan 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan', yang mencerminkan semangat keagamaan dan kebersamaan

rakyat Negara Brunei Darussalam dalam menyambut Tahun Baharu Hijrah 1447. Ia bukan sekadar memperingati peristiwa agung penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi juga menjadi wadah untuk memperkukuh nilai-nilai murni dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara.

## Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BELAIT**, Khamis, 26 Jun. - Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait menjadi tumpuan bagi Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 bagi Peringkat Daerah Belait, lewat petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji

Muhammad; Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di Daerah Belait; penghulu dan ketua-ketua kampung; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan di Daerah Belait, pegawai dan kakitangan kerajaan serta penduduk Daerah Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun 1446H yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin yang seterusnya menjadi imam bagi Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang juga memimpin bacaan Doa Awal Tahun 1447H.

Acara kemudian disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam (NBD) beroleh kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar daripada segala wabak penyakit dan bala bencana.

Majlis diteruskan dengan



### Daerah Belait



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis tersebut. Umat Islam di NBD meraikan ketibaan Tahun 1447H yang merupakan salah satu hari kebesaran negara. Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah kali ini bertemakan 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampai'.

Dalam pada itu, Maal Hijrah pada 1 Muharam dalam takwim Hijrah merupakan hari yang penting dalam sejarah umat Islam kerana ia merupakan hari memperingati penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Madinah yang berlaku pada Tahun 622 Masihi dan dari situ, ia diambil sebagai permulaan kiraan dalam kalendar Hijrah.

Hijrah merupakan suatu proses menuju kebaikan dan keindahan,

berjuang kepada kebenaran, semangat untuk mengubah cara berfikir juga tingkah laku dengan meninggalkan keburukan atau kejahatan dan segera berhijrah melakukan perkara yang lebih mulia lagi bermanfaat.

Seperti dalam Surah An-Nisa', ayat 100, terjemahannya : "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak."

"Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala (hijrahnya) di sisi Allah. Dan Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih".

## Jumlah nilai eksport Q1 2025 catat penurunan 15.3 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Jumlah nilai eksport pada suku pertama (Q1) 2025 menurun sebanyak 15.3 peratus, didorong oleh penurunan indeks volum eksport (-17.7 peratus) dan indeks nilai unit eksport (-18.3 peratus).

Penurunan indeks volum eksport disumbangkan oleh bahan api galian terutamanya petroleum, produk petroleum dan bahan berkaitan, bahan kimia dan jentera dan kelengkapan pengangkutan.

Indeks nilai unit eksport juga mencatatkan penurunan, terutamanya disumbangkan oleh penurunan nilai unit bahan api galian (-17.2 peratus), bahan kimia

(-12.9 peratus), dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (-9.3 peratus).

Jumlah nilai import pada Q1 2025 juga menunjukkan penurunan sebanyak 16.8 peratus, kepada BND2,136.8 juta, berbanding BND2,569.5 juta pada Q1 2024. Penurunan berkenaan disumbangkan oleh penurunan indeks volum dan indeks nilai unit import masing-masing sebanyak 2.5 peratus dan 10.7 peratus.

Indeks volum import mencatatkan penurunan sebanyak 2.5 peratus. Penurunan berkenaan didorong oleh penurunan volum import bahan api galian (-10.1 peratus), bahan kimia (-8.4 peratus), dan minuman (-6.4


peratus).

Manakala, indeks nilai unit import menurun pada Q1 2025, terutamanya disumbangkan oleh penurunan nilai unit barang-barang keluaran kilang (-23.4 peratus), bahan kimia (-14.2 peratus), dan bahan api galian (-12.4 peratus).

Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTI) menunjukkan perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu.

Indeks berkenaan juga bermanfaat untuk membuat analisa pasaran global yang berdaya saing dalam mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara.

Laporan penuh IMTI bagi Q1 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.



# BERSAMA MEMIKUL AMANAH DALAM MENYUMBANG PEMBANGUNAN, KEMAJUAN NEGARA

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan Sijil-sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima (kanan dan kanan sekali).

**JERUDONG**, Khamis, 26 Jun. - Seramai 764 orang menerima Sijil Taraf Kerakyatan yang dikurniakan dengan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-42.

Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berkenaan berlangsung di Dewan Persidangan Bridex, di sini.

Penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan telah disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku tetamu kehormat majlis.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapan berkata, penganugerahan Sijil Taraf Kerakyatan tersebut bukan sekadar formaliti penyerahan dokumen rasmi semata-mata, malah merupakan penegasan terhadap nilai kesetiaan, semangat kebangsaan dan kesediaan semua penerima untuk menyumbang secara aktif dalam membentuk masa depan negara.

"Kita sebagai warganegara Brunei Darussalam memainkan peranan penting dan memikul amanah besar dalam sama-sama menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan



negara, mematuhi undang-undang, dan memperkukuh keharmonian serta memelihara perpaduan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mezhahirkan keyakinan bahawa walau sekecil mana pun sumbangan para penerima ia tetap memberi impak yang besar dalam merealisasikan apa jua yang dihasratkan.

Terdahulu, Yang Berhormat memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Masihi 2025, dengan baginda menekankan mengenai kepentingan perpaduan yang merupakan kunci pembangunan.

Dalam titah berkenaan tambah Yang Berhormat lagi, baginda bertitah bahawa setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat-menghormati dan bekerjasama, maka segala

cabaran akan dapat ditangani dengan baik.

"Dengan adanya keteguhan perpaduan masyarakat dan juga dengan penghayatan nilai dan identiti kebangsaan yang berteraskan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) setentunya akan menjadi benteng kukuh dalam menangkis pengaruh negatif yang tidak selari dengan cara hidup kita dan perkara ini akan menjadi asas kepada kemajuan, keamanan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam (NBD)," ujar Yang Berhormat.

Para penerima terdiri daripada individu yang telah memohon taraf kerakyatan NBD dan menduduki serta lulus ujian di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15, iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1) ujian bahasa Melayu secara bertulis dan secara lisan; Bab 6(1), iaitu terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei Darussalam, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei Darussalam dan anak-anak angkat



kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei Darussalam dan; di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri kepada suami warganegara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Yang Berhormat

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan KHEDN serta pegawai-pegawai dan kakitangan JIPK.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-42.

## Taklimat tingkatkan peluang lanjutkan pengajian ke Korea Selatan



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 27 Jun. - Pihak Kedutaan Republik Korea di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan Taklimat Mengenai Biasiswa Kerajaan Korea iaitu Global Korean Scholarship (GKS) untuk para pemimpin sekolah dan guru pendidikan kerjaya dari sekolah menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan seluruh negara di

Teater Kuliah 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), baru-baru ini.

Hadir pada taklimat tersebut ialah Konsul dan Setiausaha Kedua, Kim Pyungkuk dan Kakitangan Pentadbiran dari Kedutaan Republik Korea, Jeong Eun Jin serta para pegawai dari Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS).

Kakitangan tempatan wakil Kedutaan Republik Korea, Feroz Andy dan dua penerima GKS iaitu Dayangku Siti Nurul Hafizah binti Pengiran Haji Mohd. Sahar dan Dayang Nazihatul Afifah binti Haji Abd. Hamid telah menyampaikan taklimat kepada majlis tersebut. Ini diikuti dengan sesi soal jawab. Menurut Kedutaan Republik Korea, GKS yang berprestij ini mula diperkenalkan di NBD sejak tahun 2013.

Majlis tersebut juga



KONSUL dan Setiausaha Kedua, Kim Pyungkuk hadir pada taklimat tersebut (kiri), manakala gambar atas, Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, JSS, di Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin menyampaikan sijil dan cenderamata penghargaan kepada Konsul dan Setiausaha Kedua, bagi pihak Kedutaan Republik Korea.

menyaksikan menyampaikan sijil dan cenderamata penghargaan kepada Konsul dan Setiausaha Kedua, bagi pihak Kedutaan Republik Korea dan seterusnya kepada para penceramah jemputan yang disempurnakan oleh Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, JSS, di Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin.

Taklimat biasiswa kali kedua ini adalah merupakan inisiatif pihak

Unit Pendidikan Kerjaya, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang peluang biasiswa bagi rakyat NBD yang ingin melanjutkan pengajian tinggi di luar negara.

Sebelum ini, taklimat pertama yang dianjurkan oleh pihak Unit Pendidikan Kerjaya, JSS adalah mengenai biasiswa kerajaan Jepun yang disampaikan oleh pihak Kedutaan Jepun pada bulan Februari 2025 yang lalu.

# NBD - AS TERUS MEMPERKUKUH KERJASAMA DALAM PELBAGAI BIDANG



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis yang diadakan di pekarangan kedutaan berkenaan, di Jalan Duta.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), malam tadi meraikan Hari Kemerdekaan AS Ke-249 yang diadakan di pekarangan kedutaan berkenaan,

di Jalan Duta, di sini.

Majlis sambutan bertemakan tradisi klasik AS, iaitu *'the backyard barbeque'*.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis sambutan berkenaan, Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapan alu-aluannya, Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland menekankan kepentingan tradisi barbeku belakang rumah.

Menurut Puan Yang Terutama, tradisi berkenaan merupakan simbol perkumpulan, perkongsian dan perhubungan. Perkongsian kukuh antara AS dan NBD, telah berkembang pesat melalui kerjasama erat dalam pelbagai bidang seperti perdagangan dan pelaburan serta pertahanan dan keselamatan.

PYT turut mengongsikan, ketika menyambut Hari Kemerdekaan AS pada tahun lalu, kita juga meraikan peristiwa penting, iaitu 40 tahun hubungan diplomatik AS dan NBD.

Selama empat dekad yang lalu tambah PYT, AS dan NBD telah membina perkongsian yang kukuh, saling menghormati, bekerjasama selain mempunyai matlamat yang sama.

"Hubungan AS dan NBD telah

bermula lebih jauh lagi, iaitu selepas termeterainya perjanjian keamanan dua hala, persahabatan, perdagangan, dan pelayaran pada 23 Jun 1850.

"Perjanjian bersejarah ini meletakkan asas bagi hubungan yang berkekalan antara kedua-dua negara," ujar PYT.

PYT seterusnya menyampaikan cenderamata kepada tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, pegawai-

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad

pegawai kerajaan, eksekutif-eksekutif perniagaan dan pemimpin-pemimpin persatuan awam.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai hubungan AS dan NBD, orang ramai boleh mengunjungi laman sesawang [www.state.gov/u-s-relations-with-brunei/](http://www.state.gov/u-s-relations-with-brunei/).



## Fotografi pemangkin pembangunan industri kreatif, pelancongan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Peraduan Fotografi adalah antara inisiatif Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha menyuburkan minat masyarakat terhadap seni visual, khususnya fotografi.

Sejajar dengan visi DBP untuk mendaulatkan kebudayaan Melayu dan misi sebagai hab ilmu, peraduan ini juga menjadi landasan dalam memperkasa masyarakat dari segi kreativiti, kemahiran teknikal dan estetika.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Pemangku Pengarah, DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Fotografi yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di sini.

Tambahnya, fotografi kini memainkan peranan besar dalam kehidupan moden bukan sahaja sebagai medium komunikasi dan ekspresi seni, malah sebagai pemangkin kepada pembangunan industri kreatif dan pelancongan.

Jelasnya lagi, ia menjadi saluran untuk memperkenalkan keindahan alam, warisan budaya, dan identiti negara ke peringkat global.

Maka itu tekannya, fotografi bukan lagi hanya sekadar hobi, bahkan satu bidang profesional yang berpotensi menyumbang kepada industri kreatif negara.

"Alhamdulillah, Peraduan Fotografi dianjurkan DBP buat kali kelima pada tahun ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan, dengan penyertaan tertinggi seramai 152 peserta dan 309 keping gambar.

"Tema tahun ini, 'Brunei Darussalam : Permata yang Tersembunyi', mengangkat nilai

keindahan dan keunikan negara dari lensa warga tempatan sendiri.

"Dua kategori baharu, iaitu 'Burung' dan 'The Golden Hour' telah berjaya mencabar kreativiti para peserta dan menghasilkan karya yang bukan sahaja menawan, malah sarat dengan naratif visual yang berimpak," ujarinya lagi.

Gambar-gambar yang menyertai peraduan pada tahun ini tambahannya, akan dipamerkan di keempat-empat daerah, bagi membolehkan masyarakat umum menikmati hasil seni fotografi tempatan dan memperluas apresiasi seni merentas generasi dan latar.

"InsyaaAllah, pada tahun hadapan, bersempena dengan Sambutan Jubli Nilam, 65 tahun penubuhan DBP, jabatan akan mengadakan Peraduan Fotografi dengan mempelbagaikan kategori khususnya yang ada kaitan dengan perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu tanah air, serta memperluaskan sasaran untuk menarik lebih ramai yang menyertai peraduan ini," ujarinya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah, cenderamata dan sijil penghargaan kepada para pemenang, panel hakim dan rakan-rakan strategik

(penaja) yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi Kategori Khas, iaitu gambar yang memaparkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025, johan dimenangi oleh Awang Mohamad Azlan bin Mohd. Jefri dengan menerima wang tunai BND500, diikuti naib johan milik Dayang Chua Hui Wen dengan menerima wang tunai BND300; manakala Awang Abang Muhammad Saifulizam bin Abang Zamhor pula di tempat ketiga dengan menerima wang tunai BND200. Para pemenang juga menerima hadiah tajaan dan sijil penghargaan.

Sementara itu, bagi Kategori Burung, iaitu gambar yang memaparkan haiwan burung, johan disandang oleh Awang Mohamad Azlan bin Mohd. Jefri dengan menerima wang tunai BND500; manakala naib johan ialah Awang Mohammad Suffri bin Awang Osman dengan menerima wang tunai BND300, sementara tempat ketiga milik Awang Zainury bin Zainal Abidin@Vynner dengan menerima wang tunai BND200. Para pemenang juga menerima hadiah tajaan dan sijil penghargaan.

Manakala bagi Kategori 'The Golden Hour', iaitu gambar yang memaparkan momen semasa matahari terbit atau terbenam, johan diberikan kepada Awang Muhammad Waliyuddin bin Ahmad yang menerima wang tunai BND500; sementara naib johan

milik Dayang Faridah binti Haji Jaya yang memenangi wang tunai BND300; manakala Awang Ahmad Faisaldin bin Haji Awang Tuah pula berada di tempat ketiga yang memenangi wang tunai BND200. Para pemenang juga menerima hadiah tajaan dan sijil penghargaan.

Peraduan Fotografi anjuran DBP melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, mengangkat tema 'Brunei Darussalam : Permata yang Tersembunyi' yang diumumkan pada tahun ini sebagai satu usaha dan tindakan jabatan ini untuk mengangkat kepelbagaian karya seni foto yang terbaik serta berkualiti.

Antara tujuan peraduan tersebut diadakan ialah untuk membarigakan peranan DBP sebagai sebuah agensi kerajaan yang menyalurkan pelbagai ilmu pengetahuan termasuklah bidang seni fotografi, melahirkan dan mengangkat karya-karya foto yang berkualiti dan bernilai tinggi, menggalakkan masyarakat untuk menghargai keunikan dan keindahan NBD termasuklah acara kenegaraan dan alam semula jadi,

serta mengekspresikan dan memvariasikan kreativiti masyarakat melalui seni fotografi seterusnya menjadi suatu sumber pendapatan yang dapat menjana kepada kemajuan sosioekonomi negara.

Pihak Urus Setia Peraduan telah menerima seramai 152 peserta dengan 309 keping gambar, iaitu 35 peserta daripada Kategori Khas dengan 59 keping gambar, 40 peserta daripada Kategori Burung dengan 90 keping gambar dan 77 peserta daripada Kategori 'The Golden Hour' dengan 160 keping gambar.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); pengarah-pengarah di KSSUP serta KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya, pegawai-pegawai kanan kerajaan, panel hakim, rakan-rakan strategik dan peserta-peserta Peraduan Fotografi.



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Fotografi.

# 283 WARGA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TERIMA PINGAT KERJA LAMA



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat kepada penerima (kiri). Manakala gambar atas, antara penerima pingat yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUNGGU LINK**, Rabu, 25 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L.) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun bagi penerima Tahun 2024 khusus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Khas Kesihatan dan

Kesejahteraan yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Unit Audit Dalaman, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Rozaidi bin Haji Mohammad Daud.

Acara diteruskan dengan penyampaian P.K.L. kepada 283 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, termasuk tenaga pengajar dari sekolah-sekolah serta institusi-institusi pengajian tinggi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis kemudiannya diakhiri

dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan Doa Kesyukuran sempena kepulangan para jemaah haji Kementerian Pendidikan.

Pengurniaan P.K.L. ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas jasa dan sumbangan kerja yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan para penerima pingat.

la juga merupakan satu dorongan motivasi dan penyuntik semangat khususnya kepada warga kementerian ini agar sentiasa memberikan kualiti kerja yang bermutu tinggi dan mencapai prestasi yang cemerlang secara berterusan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

## 13 graduan terima Anugerah Graduan Cemerlang 2025



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan plak dan sijil penghargaan kepada para graduan (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kanan, ucapan oleh wakil graduan, Awang Muhammad Irham bin Awang Roslan, BSc (Hons) in Agricultural and Crop Science, The University of Nottingham, United Kingdom.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Seramai 13 graduan yang menamatkan pengajian dengan keputusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama (First Class Honours) bagi Sesi Pengajian Tahun 2024 diraikan pada Majlis Anugerah Graduan Cemerlang 2025 berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah, hari ini.

Graduan-graduan yang diraikan terdiri daripada penerima Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri serta Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji

Raminey bin Haji Salleh, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan plak dan sijil penghargaan kepada para graduan disusuli dengan ucapan oleh wakil graduan, Awang Muhammad Irham bin Awang Roslan, BSc (Hons) in Agricultural and Crop Science, The University of Nottingham, United Kingdom dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Majlis ini diadakan untuk mengiktiraf dan meraikan pencapaian cemerlang para graduan, di samping memberi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

inspirasi serta dorongan kepada pelajar-pelajar lain untuk berusaha mencapai kecemerlangan akademik.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam; Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Pemangku Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.



# 12 pelajar cemerlang terima AIPC-DANA 2025



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Sebagai penghargaan atas pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam 2024, seramai 12 pelajar dalam kalangan anak yatim diraikan pada Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (AIPC-DANA) 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Pada majlis berkenaan, seramai tiga pelajar menerima AIPC-DANA 2025 bagi Peperiksaan

Brunei-Cambridge GCE 'O' Level, iaitu Awang Muhammad Adam Syafiee bin Junaidi dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Dayang Siti Nurmaziah Khalisah binti Haji Mayadi dari Sekolah St. George's; dan Awang Wafiq Syahmi bin Hasme dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait.

Setiap seorang menerima sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun berupa wang tunai bernilai BND760.

Sementara itu, seramai lima pelajar menerima AIPC-DANA 2025 bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), iaitu Awang Mohammad Qahir Saaduddin bin Abdul Quddus dari Ma'had Islam Brunei; Dayang Siti Omirah Etikah binti Haji Kalong dari Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan; Dayang Nur

**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan menyempurnakan penyampaian anugerah berkenaan kepada para penerima (kiri dan kanan).

Ameeratul 'Atiqah binti Abdullah dari Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya, Tutong; Dayangku Nur'ain Alisa Zafeerah binti Pengiran Haji Mohammad Sofian dari Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan; dan Awang Muhammad Aiman Marwan bin Abdullah@Munir Azwan dari Sekolah Rendah Tanah Jambu.

Setiap seorang menerima sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun berupa wang tunai bernilai BND400.

Manakala, empat pelajar menerima AIPC-DANA 2025 bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU), iaitu Dayang Bazilah Izzati binti Haji Razali dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Putri Masna; Awang Muhammad Waquiddin Asyraf bin Muhammad Nor Arif dari Sekolah Ugama Anak-anak Pasukan Polis Diraja Brunei; Dayang Nur Qaleesya Umayyrah@Dania binti Abdullah Mohammad Azlan dari Sekolah Ugama Katok 'A'; dan Awang Mohammad Yazid Khairan Nafil bin Abdullah dari Sekolah Ugama Rimba II.

Setiap seorang menerima sijil

**SEBAHAGIAN** yang hadir pada Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (AIPC-DANA) 2025.



penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan juga wang simpanan sebanyak BND500 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

AIPC-DANA merupakan projek tahunan DANA dan tahun ini merupakan kali ke-18 ia diadakan.

Pemberian AIPC-DANA bertujuan untuk mendorong anak-anak yatim menghargai kepentingan pendidikan dan

sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus berusaha bagi meraih kejayaan khususnya dalam bidang pelajaran.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai YSHHB.



## PEMENANG STACK 2025 TERIMA HADIAH



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah STACK 2025 dan seterusnya menyaksikan pameran daripada para pemenang pertandingan (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - STACK 2025 merupakan sebuah platform kebangsaan yang menampilkan inovasi, keselamatan siber, ketahanan dalam teknologi digital serta kerjasama dalam isu-isu berkaitan siber.

Acara berkenaan menghimpunkan pembuat dasar, pakar industri, pelajar, tenaga pengajar dan inovator teknologi melalui lima acara utama menerusi pelbagai ceramah, bengkel, pertandingan serta cabaran.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah STACK 2025 berlangsung

petang tadi di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Pemenang Robotic and Coding Conquest (RCC) 2025 bagi AI IoT Hackathon (Kategori Tempatan), juara disandang oleh AI-Powered

Beach Cleaning Robot dari Universiti Teknologi Brunei (UTB), manakala naib juara ialah IoT-enabled Soft Hand Exoskeleton for Stroke Rehabilitation 'REHANDI' juga dari UTB; sementara tempat ketiga ialah Search and Rescue Drone, juga dari UTB.

Bagi AI IoT Hackathon Pelajar Antarabangsa (Dalam Talian), juara disandang oleh Team Tony Tony Chopper dari Universiti Teknologi Malaysia dengan tajuk 'CliniQless AI'; manakala naib juara disandang oleh Team Insulink Innovator dari Polytechnic Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan tajuk 'IoT Based TI-PEN' (Technology Insulin Pen); sementara tempat ketiga ialah Team FYP dari Universiti Putra Malaysia dengan tajuk 'Intelligent Fault Detection and Diagnosis in Cooling System at Reactor'.

Bagi Junior IoT SDG Challenge (Umur 14-17) pula, tempat pertama disandang oleh Dayang Nor Nasibah Adhwa@Hannah binti Awang Azman dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS); manakala tempat kedua disandang oleh Awang Muhammad Wazien bin Haji Wahid dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah; sementara tempat ketiga ialah Awang Ahmad Hariz Azhar bin Saiful Rizal Abdullah Motalip dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Sementara itu, Team Chaotic Bot pula menjuarai Junior Robotics SDG Challenge (Umur 14-17);



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hasif Matzin

manakala naib juara ialah Team Tinytech; diikuti tempat ketiga ialah Team Robonix. Manakala Symbiotes pula menjuarai Building Intelligent Machine (BIM) 2025; sementara tempat kedua ialah Sentinel.AI diikuti tempat ketiga, BlazeAI.

Bagi Microsoft ASEAN AI accessibility Hackathon 2025 dijuarai oleh HUNI Tech; manakala tempat kedua disandang oleh Team Xinu, diikuti tempat ketiga ialah Team Flash Sync.

ONE POINT REVUE pula diumumkan sebagai pemenang bagi cabaran ID-Novate; diikuti tempat kedua disandang oleh VerIDFace; dan tempat ketiga ialah EduSure.

Pada majlis berkenaan,

tetamu kehormat majlis juga menyaksikan pameran daripada para pemenang pertandingan.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

STACK 2025 menggambarkan komitmen Cyber Security Brunei (CSB) dalam memperkukuh ketahanan digital Negara Brunei Darussalam melalui penggalakan inovasi, kerjasama dan tanggungjawab bersama merentasi semua sektor.

Acara berkenaan berfungsi sebagai platform untuk melibatkan komuniti dalam membina masa depan digital yang selamat dan inklusif.

# PAMERAN WAJAH BRUNEI : MENYUSURI MEMORI SINGKAP PERJALANAN SOSIOEKONOMI NEGARA



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan dan menyaksikan Pameran Wajah Brunei : Menyusuri Memori, bertempat di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (atas dan atas kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Sempena Sambutan Hari Arkib Antarabangsa yang diraikan setiap tahun pada 9 Jun, Jabatan Muzium-Muzium melalui Arkib Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Pameran Wajah Brunei : Menyusuri Memori, bertempat di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Dengan tema '#ArkibDapatDiAkses - Arkib Untuk Semua', pameran ini menekankan kepentingan keterbukaan dan akses maklumat arkib yang inklusif

kepada semua lapisan masyarakat.

Ia membuktikan bahawa warisan dokumentasi negara bukan hanya disimpan tetapi dikongsi dan dihidupkan kembali melalui naratif yang mudah didekati dan difahami oleh generasi kini dan akan datang.

Sehubungan itu, majlis pelancaran pameran ini disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya, menekankan komitmen dalam memelihara memori warisan sejarah dan menjadikan arkib sebagai sumber ilmu yang mudah diakses oleh semua.

Pameran tersebut jelasnya, mengetengahkan perjalanan sosioekonomi negara melalui dokumen, foto dan rakaman lisan yang bernilai, sekali gus menjadi jambatan antara masa lalu dan masa depan bagi memupuk penghayatan warisan serta memperkukuh jati diri dan identiti kebangsaan.

"Pameran ini mencerminkan iltizam kita untuk memastikan arkib kekal terbuka, inklusif dan bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat. Arkib bukan sekadar tempat simpanan tetapi wadah ilmu, identiti, dan pemahaman – jambatan antara masa lalu dan masa depan," ujar Pengiran Haji Rosli.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Luar Negara di Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, warga Arkib NBD serta pengurus rekod di jabatan kerajaan dan warga Jabatan Muzium-Muzium.



Pameran Wajah Brunei : Menyusuri Memori ini dibukakan untuk kunjungan orang ramai selama satu bulan, bermula 26 Jun 2025 hingga 26 Julai 2025 di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Selain pameran, turut diadakan beberapa aktiviti sampingan yang akan diadakan setiap Sabtu, sepanjang satu bulan pameran dijalankan seperti Program Kenali Wajah Brunei.

Program ini akan memberikan pendedahan mengenai sosioekonomi Brunei melalui aktiviti yang akan disediakan. Di samping itu, satu forum akan diadakan pada bulan Julai 2025 bersempena Hari Arkib Antarabangsa 2025.



**PEMANGKU** Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya.

## UBD-AUN Summer Camp 2025 labuh tirai



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penutup Universiti Brunei Darussalam – ASEAN University Network (UBD-AUN) Summer Camp 2025 (kiri dan kanan).

**TUNGKU LINK**, Khamis, 26 Jun. - Universiti Brunei Darussalam – ASEAN University Network (UBD-AUN) Summer Camp 2025 melabuh tirainya dengan majlis penutup, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab.

Majlis ini meraikan dua minggu pembelajaran yang mendalam, pertukaran budaya merentas negara serta dialog belia yang berfokuskan kepada kelestarian dan pembangunan serantau.

Program ini merupakan anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD) di bawah kepimpinan Naib Canselor UBD, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle dengan kerjasama AUN dan rakan-rakan penyokong,

menghimpunkan para pelajar yang beraspirasi menjadi pemimpin dari seluruh ASEAN di bawah tema 'Green Stewardship : Preserving Biodiversity and Advancing Sustainable Development'.

Sepanjang dua minggu, seramai 163 wakil universiti dan pelajar daripada 38 universiti Ahli AUN serta universiti Ahli Rangkaian Universiti ASEAN+3 telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman. Ini termasuk bengkel bertema, syarahan interaktif, lawatan lapangan, dan projek reka bentuk kolaboratif.

Sesi-sesi ini direka untuk menghubungkan teori dengan amalan, di samping memupuk kepimpinan, penyelesaian masalah serta kecekapan antara budaya.

Antara sorotan utama program

ini termasuklah Program World Bank Talent Outreach, yang menampilkan perkongsian pandangan daripada Pengarah Eksekutif bagi Asia Tenggara di World Bank, Dr. Wempi Saputra serta pakar-pakar lain yang berkongsi perjalanan peribadi mereka dalam bidang pembangunan antarabangsa.

Dialog AIPA, yang dikendalikan oleh Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanthy binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman telah memberi peluang istimewa kepada para pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan pemimpin serantau dan merenung peranan mereka sebagai warga ASEAN yang berpengetahuan dan aktif.

Future Ocean Changemakers Youth Forum 2025 pula menyediakan platform untuk

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



perbincangan mengenai pemuliharaan lautan dan ekonomi biru, dengan mengetengahkan peluang kerjaya baharu serta keutamaan global dalam kelestarian marin.

Dalam ucapan penutupnya, Dayang Hajah Tutiatiy menghargai usaha penganjur kerana telah merangka program yang mencerminkan komitmen bersama terhadap pendidikan, kelestarian dan pembangunan belia.

"Sesi-sesi ini bukan sekadar sorotan program, malah merupakan pengalaman membentuk diri yang mencabar pelajar untuk berfikir secara kritis, terlibat dengan penuh makna dan membayangkan masa depan mereka sebagai penyumbang kepada ASEAN yang lebih berdaya tahan dan lestari," tambahnya.

Program ini menekankan kepentingan platform seperti UBD-AUN Summer Camp dalam memupuk pemimpin masa depan yang dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan

kesedaran serantau yang diperlukan untuk menangani cabaran global.

Program ini juga menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan PBB (SDG), khususnya Matlamat 13, 14 dan 15.

Para pelajar turut diraikan atas kejayaan menamatkan program ini dan digalakkan untuk membawa semangat, ilmu pengetahuan dan persahabatan yang telah terjalin ke hadapan.

Penutupan rasmi UBD-AUN Summer Camp 2025 kali kedua ini merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha kolektif ASEAN untuk memperkasa belia sebagai ejen perubahan dan penyokong pembangunan mampan, sekali gus menegaskan semula komitmen rantau ini terhadap pendidikan, kerjasama dan kelestarian.

Untuk maklumat lanjut mengenai program jangka pendek UBD, sila layari <http://ubd.edu.bn/> atau e-mel ke [globaldiscovery.ga@ubd.edu.bn](mailto:globaldiscovery.ga@ubd.edu.bn).

# PESTA PENGGUNA, EKSPLO PERDAGANGAN KE-31 DIRASMIKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Rabu, 25 Jun. - Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan kembali lagi bagi edisinya ke-31 (Consumer Fair and Trade Expo - CFTE31) dengan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan daripada pelbagai sektor termasuk makanan dan minuman, fesyen dan kecantikan, teknologi, perbankan dan bermacam-macam lagi bagi kunjungan orang ramai yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Dianjurkan oleh D'Sunlit Sdn. Bhd., CFTE31 yang diadakan dari 25 hingga 29 Jun 2025 kali ini membawa tema utama 'Ascend', yang mencerminkan semangat pertumbuhan, cita-cita dan momentum ke hadapan.

Tema berkenaan menekankan komitmen acara sebagai pemangkin bagi perniagaan yang memperkasa kemajuan, menjalin hubungan dan menggalakkan inovasi merentas sektor.

Majlis Perasmian CFTE31 telah disempurnakan oleh Timbalan

Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sdn. Bhd., Chuisan Ting, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Negara Brunei Darussalam (NCCIBD), Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad yang antara lain menggariskan mengenai kepentingan berterusan CFTE sebagai platform untuk penglibatan ekonomi serantau, khususnya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Acara perasmian juga menyaksikan bermulanya Persidangan Pesta Pengguna Ke-2 (Consumer Fair Conference - CONFAC), yang diadakan di kawasan Concourse ICC.

Dihoskan bersempena dengan pameran perdagangan terbesar dan paling lama di Negara Brunei

Darussalam (NBD), CONFAC berfungsi sebagai platform peringkat tinggi untuk memajukan dialog mengenai pelaburan, inovasi dan pertumbuhan inklusif dalam rantau BIMP-EAGA.

Persidangan tahun ini menampilkan pembentangan uaputama pembukaan oleh Pengarah Eksekutif dan Ketua Penyelidik Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS), Dr. Diana Cheong; dan Khairy Jamaluddin, mantan Menteri Kesihatan Malaysia, yang berkongsi pandangan strategik tentang daya tahan, transformasi dan kepimpinan ekonomi serantau.

Edisi berkenaan menghimpunkan PMKS, penggubal dasar, pelabur dan peneraju pemikiran industri untuk meneroka peluang perdagangan serantau, perkongsian infrastruktur dan pembangunan keusahawanan.

Persidangan berkenaan juga menampilkan program khusus di bawah The Ascend Conference, yang merangkumi pembentangan uaputama, perbincangan panel serantau, dan segmen khusus mengenai keusahawanan belia dan bandar pintar yang semuanya bertujuan untuk memudahkan pertukaran pengetahuan dan kesalinghubungan perniagaan strategik.

CFTE terus mengukuhkan peranannya sebagai pasaran dinamik dan platform perdagangan antarabangsa. Dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), CFTE31 dengan bangganya juga menyokong keusahawanan dan syarikat permulaan tempatan (*startups*), menyediakan ruang khusus untuk mempamerkan inovasi mereka di Zon Jingga, Dewan Delima dan Zon Antarabangsa.

Salah satu kemuncak CFTE31



**MAJLIS** Perasmian Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Edisi Ke-31 (Consumer Fair and Trade Expo - CFTE31) disempurnakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada Majlis Perasmian CFTE31 tersebut.

ialah cabutan bertuah yang dinanti-nantikan, dengan pengunjung berpeluang memenangi hadiah menarik sepanjang acara berkenaan termasuk hadiah utama, iaitu sebuah kereta Toyota Rush ditaja oleh Toyota Brunei - NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

Acara lima hari berkenaan menawarkan pelbagai tawaran istimewa, termasuk pameran-pameran daripada vendor antarabangsa selain berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik.

CFTE31 dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali Jumaat ditutup sementara dari jam 12.00 tengah hari hingga

2.00 petang.

Dalam pada itu, para pengunjung juga diingatkan untuk membawa beg kitar semula untuk semua keperluan membeli-belah di sepanjang pesta diadakan.

Orang ramai yang ingin mengunjungi CFTE31 bolehlah menggunakan perkhidmatan bas ulang-alik percuma dari tempat letak kereta Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah ke ICC.

Bagi maklumat lanjut mengenai CFTE31, sila layari [www.brunelconsumerfair.com](http://www.brunelconsumerfair.com) atau mengikuti laman media sosial Facebook atau Instagram, @consumerfair.bn.



## BSM lancar minyak sintetik terbaharu

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Rabu, 25 Jun. - Syarikat Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) hari ini melancarkan Shell Experiential Roadshow di reruai C11, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, semasa berlangsungnya Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-31 (CFTE31).

Pelancaran jerayawara berkenaan disempurnakan bersama oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang

Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Pengarah Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan bin Haji Omar.

Acara berkenaan memperkenalkan lima zon interaktif yang direka untuk menyerlahkan inovasi dan promosi terkini daripada Shell.

Tumpuan utama adalah Shell Helix HX8 0W-20 yang baharu iaitu minyak enjin sintetik sepenuhnya yang menawarkan prestasi tinggi pada harga berpatutan yang juga dilancarkan pada jerayawara berkenaan.

Minyak enjin sintetik sepenuhnya berkenaan memberikan perlindungan enjin yang lebih pintar, lebih bersih, dan lebih cekap untuk kenderaan masa kini. Ini merupakan tawaran terbaharu Shell dalam kategori produk berprestasi tinggi pada harga berpatutan untuk pemandu harian.

Dibangunkan dengan teknologi Flexi Molecule Shell, formula baharu berkenaan disesuaikan dengan keadaan enjin bagi memberikan perlindungan yang konsisten dalam semua suhu. Selain itu, ia membantu mengekalkan kebersihan enjin dengan mengurangkan pembentukan mendapan (*sludge*) dan turut membantu meningkatkan penjimatan bahan api melalui pengurangan geseran dalaman.

HX8 0W-20 juga direka khas untuk melindungi enjin pengesac turbo, menjadikannya pilihan ideal bagi kereta moden di jalan raya.

Bercakap semasa pelancaran di



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama Pengarah Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan bin Haji Omar melancarkan Shell Experiential Roadshow.


**TAHUKAH AWDA?**



## FAEDAH DARI LAMPU SOLAR



**MENJIMATKAN WANG AWDA!**  
Ia adalah pelaburan kos rendah dan boleh mengurangkan bil elektrik awda.



**TIDAK MEMERLUKAN ELEKTRIK**  
Lampu solar tidak bergantung kepada grid kerana ia dilengkapi dengan baterinya sendiri. Oleh itu, ia tetap akan menyala walaupun berlaku gangguan bekalan elektrik!



**MESRA PENGGUNA**  
Lampu solar mudah dipasang, tidak memerlukan pendawaian elektrik, dan boleh dipindahkan pada bila-bila masa!

[www.energy.gov.bn](http://www.energy.gov.bn)

[renewable.energy@energy.gov.bn](mailto:renewable.energy@energy.gov.bn)

[+ 673 2384488 ext 3271](tel:+6732384488)

Shell Experiential Roadshow berkenaan, Pengurus Jualan dan Pemasaran BSM, Awang Haji Hairul Shahri menjelaskan, Shell Helix HX8 menawarkan perlindungan premium pada harga yang berpatutan dan ia direka untuk prestasi, tetapi dengan mengambil kira keperluan pemandu harian.

Bagi meraikan pelancaran berkenaan, BSM menawarkan barangan eksklusif dan diskaun khas di jerayawara tersebut dari 25 hingga 29 Jun 2025, selagi stok masih ada.

Setiap botol didatangkan dengan pelekat rasmi 'Untuk Pasaran Brunei' berserta kod QR untuk pengesahan ketulenan,

memberikan ketenangan fikiran bagi setiap pembelian.

Selain itu, Shell V-Power Insight Hub, Wheel of Fortune, dan Shell Café Pop-Up menambahkan lagi pengalaman dengan gabungan pembelajaran, gaya hidup dan penemuan baharu.

Orang ramai dijemput untuk mengunjungi reruai pameran berkenaan, mengimbas Kod QR untuk mengesahkan ketulenan produk dan berkongsi pengalaman mereka dengan menggunakan tanda pagar #ShellExperientialRoadshow.

Ikuti @bruneishellmarketing di Instagram dan Facebook untuk maklumat terkini serta promosi menarik.

# THAILAND GRAND FAIR MERIAHKAN CFTE31



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam melancarkan acara Thailand Grand Fair.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Kedutaan Diraja Thailand di Bandar Seri Begawan menganjurkan acara Thailand Grand Fair bersempena Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-31 (CFTE31) yang bermula hari ini hingga 29 Jun 2025 bertempat di Dewan Press

Conference, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Hadir bagi melancarkan pesta tersebut, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Kehadiran Yang Mulia Dato dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Sebagai rakan rasmi kepada Consumer Fair, Kedutaan Diraja Thailand telah menganjurkan Thailand Grand Fair sejak tahun 2009, sebagai lambang hubungan perdagangan erat yang telah lama terjalin antara Thailand dan Negara Brunei Darussalam.

Bagi edisi tahun 2025 ini, sebanyak 24 buah gerai akan mengambil bahagian dalam mempamerkan dan menjual pelbagai produk Thailand.

Penyertaan terdiri daripada pengedar sah produk Thailand di Brunei serta pengilang dari Thailand sendiri.

Antara barangan yang ditawarkan termasuk makanan, minuman, pencuci mulut, snek, barangan fesyen seperti pakaian, barang kemas, kasut dan beg tangan serta produk keperluan harian.

Hadiah istimewa juga akan diberikan kepada para pengunjung sepanjang lima hari

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

acara berlangsung.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Thailand Grand

Fair dan menikmati pelbagai produk menarik yang ditawarkan terus dari Thailand.



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa mendengarkan penerangan.

## Memperkasa penyampaian dakwah lebih segar, menyeluruh, inklusif



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Bengkel E to Soul Belia Islam MABIMS 1.0 dan Bengkel E to Soul Belia Islam MABIMS 2.0 yang diadakan selama tiga hari bermula 23 Jun hingga 25 Jun 2025 telah melabuhkan tirainya dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Mutiara, The Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim selaku wakil Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Bengkel-bengkel ini merupakan satu inisiatif kerjasama serantau dalam memperkasa keterlibatan belia Islam dalam bidang dakwah melalui pendekatan komunikasi dan teknologi semasa Bengkel E to Soul Belia Islam MABIMS 1.0 menumpukan kepada Retorik Dakwah, Kemahiran Komunikasi dan Content Creating.

Manakala Bengkel E to Soul Belia Islam MABIMS 2.0 pula memfokuskan kepada aspek dakwah kreatif menggunakan

Canva serta pengenalan kepada Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dalam penciptaan kandungan dakwah.

Pengasingan modul ini membolehkan para peserta mengikuti pengisian yang lebih tersusun mengikut tahap dan bidang tumpuan masing-masing.

Kedua-dua bengkel ini diakhiri dengan sesi Podcast Eksklusif bertajuk 'Evolusi Dakwah Milenial : Cabaran dan Peluang', yang telah dihoskan oleh Ketua Unit Sekolah Ugama, Bahagian Kokurikulum, JPI, Awang Haji Jaya bin Haji Metussin.

Podcast tersebut menampilkan dua ahli panel dari KHEU iaitu Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi dan Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Sesi ini telah membuka ruang perbincangan mendalam mengenai peluang dakwah dalam era digital, peranan pendakwah milenial serta cabaran penyampaian mesej Islam di alam maya masa kini.

Secara keseluruhan, bengkel ini telah menghimpunkan 69 peserta, iaitu 35 peserta bagi Bengkel 1.0



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku wakil Pemangku Setiausaha Tetap KHEU hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Mutiara, The Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini (atas dan atas kiri).

terdiri daripada 19 orang dari Negara Brunei Darussalam (NBD), lima orang dari Republik Indonesia, lima orang dari Malaysia dan enam orang dari Republik Singapura.

Sementara, seramai 34 peserta bagi Bengkel 2.0 terdiri daripada 18 orang dari NBD, lima orang dari Republik Indonesia, lima orang dari Malaysia dan enam orang dari Republik Singapura.

Kehadiran para peserta dari Negara-negara Anggota MABIMS mencerminkan kesungguhan dan minat mendalam belia serantau dalam memperkasa penyampaian dakwah yang lebih segar, menyeluruh dan inklusif.

Diharapkan bengkel ini akan menjadi batu loncatan kepada platform pengukuhan jaringan belia dakwah serantau serta mendorong mereka untuk terus menyampaikan mesej Islam yang rahmah, dinamik dan relevan dengan realiti masa kini.



جابتن تناک  
JABATAN TENAGA  
JAKUAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TIP PENJIMATAN TENAGA**

**PETI SEJUK**



**Pastikan pintu peti sejuk sentiasa ditutup rapat.**



**Pastikan makanan dan minuman panas dibiarkan sejuk terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam peti sejuk.**



**Pastikan ruang 10 hingga 15 cm antara peti sejuk dan dinding untuk pengudaraan.**



# MEMAHAMI DAN MENGHAYATI PENGERTIAN HIJRAH

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharram 1447H / 27 Jun 2025M

## PENGERTIAN HIJRAH YANG SEBENAR



كل عام و انتم بخیر  
"Happy New Hijri Year"

Hijrah adalah **sejarah agung perjuangan**  
**Rasulullah S.A.W**

- HIJRAH :**
- 👉 Berpindah dari suatu tempat yang lain
  - 👉 Ia juga bererti meninggalkan suatu perbuatan yang tidak baik

Kita masih tetap dapat melakukan hijrah dengan meninggalkan semua perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T dan melakukan segala suruhanNya

## MENYAMBUT HIJRAH DENGAN KESEDARAN



Negara kita sentiasa memperingati awal tahun hijrah dengan mengadakan pelbagai majlis keagamaan

**NAMUN**

Tidaklah memadai memperingatinya tanpa kesedaran mahu **meningkatkan ketaqwaan** dan ketaatan kepada Allah S.W.T

## HIJRAH DIRI KE ARAH KEBAIKAN



Berhijrah memperbaiki diri daripada **sifat mazmumah** kepada **sifat mahmudah** agar menjadi Muslim yang baik

|         |     |            |
|---------|-----|------------|
|         | >>> | KELUARGA   |
| MANFAAT | >>> | MASYARAKAT |
|         | >>> | NEGARA     |

## USAHA UNTUK BERUBAH



“Islam tidak menyuruh kita berdiam diri dan menunggu Allah S.W.T untuk mengubah keadaan hidup kita tanpa berusaha”



Marilah kita **muhasabah diri, bertaubat dan memohon keampunan** dari segala dosa. Mudah-mudahan kita semua mendapat petunjuk dan rahmat daripada Allah S.W.T



# Memahami dan menghayati pengertian hijrah

Hijrah bukan saja bererti berpindah daripada suatu tempat yang lain tetapi juga bererti meninggalkan suatu perbuatan yang tidak baik.

Sesungguhnya hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak lagi akan berlaku kepada umat Islam masa kini tetapi kita masih tetap dapat melakukan hijrah dalam maksud meninggalkan semua perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan melakukan segala suruhan-Nya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanha :

**Maksudnya :** "Dan orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan segala larangan Allah Subhanahu Wata'ala".

Negara kita sentiasa memperingati ketibaan Awal Tahun Hijrah dengan mengadakan pelbagai majlis keagamaan seperti ceramah-ceramah, forum-forum dan perbincangan-perbincangan serta aktiviti yang menjurus ke arah penghayatan hijrah yang diadakan di seluruh negara. Ini menunjukkan kita betapa benar-benar menghayati dan mengambil iktibar serta pengajaran daripada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang agung.

Namun tidaklah memadai sekiranya mengadakan majlis untuk memperingati hijrah tersebut jika tidak ada kesedaran mahu meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, jika seseorang itu merasakan terdapat sikap dan peribadinya yang kurang elok seperti kurang sabar, malas, cepat berputus asa dan segala sifat-sifat mazmumah atau buruk, maka cubalah untuk berhijrah

memperbaiki diri dengan sifat-sifat mahmudah atau terpuji agar menjadi seorang Muslim yang baik. Sesungguhnya penghijrahan seperti ini akan banyak mendatangkan keuntungan dan manfaat, bukan sahaja kepada diri individu itu sendiri bahkan juga menguntungkan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Maka inilah peluang kita semua untuk berubah dan muhasabah diri ke arah mempertingkatkan amalan, keimanan dan ketakwaan semata-mata mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 74 :

**Tafsirnya :** "Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin itu) mereka itulah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka beroleh keampunan dan rezeki (nikmat) yang mulia (yang tidak putus-putus di syurga)".

Umat Islam perlu berusaha berhijrah meninggalkan segala perbuatan yang mendatangkan keburukan dan membawa kepada kegagalan hidup, lebih-lebih lagi perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, berubahlah kepada kehidupan yang lebih baik dan lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa membantu hamba-hamba-Nya yang berniat untuk melakukan perubahan baik pada diri dan kehidupannya. Yakinlah, andai kita bersungguh-sungguh untuk berubah, pasti kita mendapat hasil yang baik nanti. Tetapi jika kita tidak sanggup berhijrah, mustahil kejayaan akan tercapai

dan kemajuan tidak akan berhasil. Kita perlu ingat bahawa Islam tidak menyuruh kita berdiam diri dan menunggu Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengubah keadaan hidup kita tanpa berusaha. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11 :

**Tafsirnya :** "Dan sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpakan) keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripada-Nya".

Akhirnya, bersempena Tahun Baharu Hijrah 1447 ini marilah kita sama-sama muhasabah diri, bertaubat dan memohon keampunan daripada segala dosa-dosa yang kita lakukan selama ini. Ambil keberkatan bulan Muharam ini menjadi titik tolak bagi kita terus meningkatkan kualiti iman melalui sembahyang, zikir dan bacaan Al-Quran yang istiqamah, memperbaiki adab dan akhlak dalam keluarga, masyarakat dan pekerjaan, saling tolong-menolong, berkasih sayang dan menjaga persaudaraan sesama kita.

Mudah-mudahan kita semua akan mendapat petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya". (Surah At-Tawbah, ayat 20)

## Penutupan kaunter pembayaran TAP pada 30 Jun

### Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Jun. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter pembayaran di semua cawangan TAP akan ditutup pada Isnin, 30 Jun 2025 sempena penutupan kewangan setengah tahun bank. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kaunter

pertanyaan, kaunter pendaftaran, perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah [www.tap.com.bn](http://www.tap.com.bn) dan Kiosk e-Info TAP akan beroperasi seperti biasa pada tarikh tersebut.

Bagi caruman Skim Tabungan Perumahan (STP), pembayaran bagi bulan Jun bolehlah dibuat

melalui perbankan dalam talian selewat-lewatnya pada Isnin, 30 Jun 2025.

Perkhidmatan kaunter pembayaran bagi kesemua cawangan akan kembali beroperasi seperti biasa pada Selasa, 1 Julai 2025. Untuk sebarang pertanyaan

lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 atau melalui e-mel [ask@tap.com.bn](mailto:ask@tap.com.bn) semasa waktu bekerja.

Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti akaun media sosial TAP melalui Facebook atau @TAP\_brunei di Instagram.

## Memastikan kebajikan, keselamatan penuntut sentiasa terpelihara

### Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan kepada orang ramai, khususnya ibu bapa/penjaga penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang mengikuti pengajian di Republik Arab Mesir dan Kerajaan Hasyimiah Jordan, bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan keselamatan penuntut-penuntut berkenaan, khususnya dalam situasi pergolakan politik yang sedang berlaku di rantau Timur Tengah pada masa ini.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa KHEU bekerjasama rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui pihak Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir dan Kerajaan Hasyimiah Jordan dalam memantau perkembangan keadaan ini secara berterusan dan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan kebajikan dan keselamatan para penuntut sentiasa terpelihara.

Untuk sebarang pertanyaan, ibu bapa/penjaga bolehlah menghubungi Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Blok 2J, Bilik 14:03, Jalan Ong Sum Ping; atau menghubungi Talian Hotline +673 8230934 / +673 2231064 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel: [biasiswa@jpi.edu.bn](mailto:biasiswa@jpi.edu.bn).



# MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mengurus Masa, Tekanan Dalam Dunia Serba Pantas'. Tarikh Tutup : 2 Julai 2025
2. 'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025
3. 'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **panjang dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ  
أَخْتَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ  
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا  
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ  
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ  
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ  
الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ  
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،  
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،  
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباءا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# KONGSI MAKLUMAT PERANAN JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



JABATAN Majlis-Majlis Mesyuarat menerima lawatan daripada para peserta Kohort Kedua Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN (atas, kanan dan bawah).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Jun. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat hari ini menerima lawatan daripada para peserta Kohort Kedua Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN.

Lawatan yang disertai oleh 11 peserta program berkenaan berlangsung pada pagi tadi di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Abel Guterres.

Antara lain lawatan tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan dan mengongsikan maklumat mengenai peranan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat khususnya berkaitan dengan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai penglibatan MMN di dalam negara serta di peringkat serantau dan antarabangsa.

Program dimulakan dengan

taklimat daripada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat selaku Urus Setia kepada MMN. Taklimat antara lain mengongsikan mengenai proses dan prosedur Persidangan MMN berpandukan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat (Standing Order) serta penyertaan MMN di mesyuarat-mesyuarat dan persidangan serantau dan antarabangsa.

Pada akhir program lawatan, para peserta juga berkesempatan untuk membuat lawatan ke Dewan Persidangan MMN.

## Mengukuhkan hubungan serantau, kerjasama rentas sempadan

Siaran Akhbar dan Foto : Imasa Dinasti Sendirian Berhad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Jun. - Pengasas dan Pengerusi TAK Group of Companies, Ar. Teo Ah Khing, mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan baru-baru ini.

Kunjungan beliau sempena penyertaannya dalam Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-31 (CFTE31) dan Persidangan Pesta Pengguna Ke-2 (CONFAC).

Lawatan tersebut mengesahkan komitmen TAK Group terhadap pengukuhan hubungan serantau dan menggariskan hasrat syarikat tersebut untuk memacu kerjasama rentas sempadan, khususnya dalam koridor ekonomi BIMP-EAGA.

Imasa Dinasti Sendirian Berhad, Ahli TAK Group of Companies, bersedia untuk penyertaan sulungnya di CFTE31

dan CONFAC, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Penampilan sulung ini akan menonjolkan Kenyalang Smart City (KSC), pembangunan utama TAK Group yang merangkumi inovasi, kemampanan dan integrasi serantau. Dianggap sebagai peneraju perubahan dalam perancangan bandar pintar, KSC mewakili visi TAK Group ke arah masa depan Asia Tenggara yang maju dan terhubung.

"Brunei menawarkan platform unik untuk dialog yang membina dan sinergi pelaburan. Lawatan ini adalah tanda muhibah dan pengesahan semula komitmen kita untuk menyumbang secara bermakna kepada pembangunan rantau," jelas Ar. Teo.

Semasa Forum Ascend CONFAC: Pertukaran Pengetahuan dan Kerjasama Serantau, Ar. Teo akan menyampaikan ucap tahniah dengan tema 'Smart Cities & Strategic



PENGASAS dan Pengerusi TAK Group of Companies, Ar. Teo Ah Khing mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Connectivity'.

Pembentangannya akan meneroka perancangan bandar pintar, infrastruktur mampan dan kepentingan kerjasama rentas sempadan dalam membentuk komuniti yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa

hadapan.

Penyertaan Imasa Dinasti Sdn. Bhd. di CFTE31 juga menandakan hasrat TAK Group untuk membina perkongsian yang lebih kukuh dalam ekosistem pembangunan Brunei yang semakin berkembang.

Memandangkan TAK Group terus mengembangkan jejaknya di seluruh ASEAN, kehadirannya di CFTE31 dan CONFAC menandakan satu langkah bermakna ke arah merealisasikan pertumbuhan bersepadu, inklusif dan diterajui inovasi.

# SEKOLAH RENDAH PANTAI BERAKAS JOHAN PERTANDINGAN DENDANG TARI MELAYU BRUNEI



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Sekolah Rendah Pantai Berakas muncul johan pada Peringkat Akhir Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Rendah Tahun 2025.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan)** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Peringkat Akhir Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Rendah Tahun 2025.

tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada para peserta, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Sebanyak lima buah sekolah rendah yang terdiri daripada sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta dari seluruh negara menyertai pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan yang melibatkan penyertaan seramai 80 pelajar.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk menggalakkan dan menarik minat pelajar untuk mengenali serta mempelajari gerak tari tarian-tarian Brunei asli di samping memberi peluang kepada mereka mendendangkan iramanya secara kreatif.

Melalui pertandingan berkenaan

**ANTARA** sekolah yang menyertai pertandingan (atas kanan), manakala gambar kiri, sekitar pertandingan tersebut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



juga, ia diharap akan dapat memupuk semangat kecintaan terhadap seni budaya warisan masyarakat Brunei dalam kalangan pelajar.

Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Rendah Tahun 2025 merupakan sebuah acara

persembahan pentas yang menampilkan gabungan unsur nyanyian dan tarian tradisional.

Pertandingan berkenaan julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti (BKK).

## Jumlah perdagangan April 2025 sebanyak BND1,938.3 juta

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Jumlah perdagangan bagi April 2025 adalah sebanyak BND1,938.3 juta, yang terdiri daripada eksport berjumlah BND1,167.1 juta dan import berjumlah BND771.2 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 74.6 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 23.2 peratus dan jentera dan

kelengkapan pengangkutan sebanyak 0.7 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 26.8 peratus, diikuti oleh Thailand dan Republik Rakyat China, masing-masing sebanyak 16.1 peratus dan 14.4 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala import pada April 2025 bernilai BND771.2 juta. Tiga

komoditi import utama adalah bahan api galian menyumbang sebanyak 65.7 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 11.9 peratus, dan makanan sebanyak 8.5 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 16.9 peratus, diikuti oleh Norway sebanyak 14.6 peratus dan Australia sebanyak 13.1 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian, makanan, dan juga bahan kimia.

Berbanding Mac 2025, jumlah perdagangan menurun sebanyak 3.8 peratus pada April 2025 disebabkan oleh penurunan eksport sebanyak 7.0 peratus.


Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemprosesan barangan perantara sebanyak 58.1 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan sebanyak 38.3 peratus, dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.6 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi April 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.



### PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA APRIL 2025


BND Juta



#### Import Utama Mengikut Komoditi



#### Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



## MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 41 MURID DARJAH VI



SERAMAI 41 orang murid Darjah VI dari Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB) diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran (atas), manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**GADONG**, Rabu, 25 Jun. - Seramai 41 orang murid Darjah VI dari Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB) petang tadi diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Majlis bertujuan bagi menghargai usaha gigih para pelajar yang berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran serta sebagai dorongan untuk menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan

amalan seharian mereka.

Ia juga mencerminkan usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam (JPI) dalam melahirkan generasi celik Al-Quran dan memperkukuhkan syiar Islam di negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku

tetamu kehormat.

Majlis disusuli dengan bacaan surah-surah pilihan oleh para peserta khatam.

Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang Afif Zakwan bin Haji Nafisal / Haji Dedy.

Kemuncak majlis menyaksikan penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Muhammad Nuzul Haqimie bin Junaidi.



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil menyampaikan sijil kepada peserta.



## Mewujudkan budaya belajar cemerlang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**TUTONG**, Rabu, 25 Jun. - Bagi menghargai usaha dan meraikan kejayaan para pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan awam 2024 yang lalu, Ma'had Islam Brunei mengadakan Majlis Hafli

Al-Takharruj dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Cemerlang, bertempat di Dewan Besar sekolah berkenaan.

Seramai 48 lepasan pelajar sekolah berkenaan telah menerima



sijil dan hadiah bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level bagi 2024.

Majlis juga menyaksikan penyampaian sijil dan hadiah kepada 33 pelajar yang berjaya meraih kecemerlangan dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Peperiksaan School Progress Examination (SPE) dan akhir tahun

lalu. Seterusnya, penyampaian sijil kepada para tenaga pengajar yang beroleh kecemerlangan.

Penyampaian sijil dan hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua Ma'had Islam Brunei, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Hafli Al-Takharruj dan

Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Cemerlang adalah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan terhadap usaha dan kejayaan para pelajar yang diraikan. Ia bukan sahaja memberi motivasi dan semangat untuk mereka terus berusaha tetapi juga mendorong mereka untuk menetapkan matlamat yang lebih tinggi untuk mencapai kejayaan berterusan pada masa hadapan.

Di samping itu, ia secara tidak langsung memberi inspirasi kepada para pelajar lain agar berusaha demi kejayaan, sekali gus mewujudkan budaya belajar cemerlang dan persaingan sihat dalam kalangan pelajar.



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta (atas kanan dan atas kiri). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.



**JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**

RTB / 1206-005 / (01)  
Supply, Delivery, Installation,  
Testing, Training & Commissioning  
Of 4K IP Camera System  
for OB Facilities (Bangunan  
Tambahan RTB - Pembinaan Blok  
Operasi Penyiaran &  
Dewan Serbaguna Studio Di  
Kompleks Penyiaran RTB Sungai  
Akar

**Bilangan Tawaran:**

RTB / 1206-005 / (02)  
Supply, Delivery, Installation,  
Testing, Training & Commissioning  
Of  
4K Outside Broadcast TV  
Production Facilities & System  
Integration  
(Bangunan Tambahan RTB -  
Pembinaan Blok Operasi  
Penyiaran & Dewan Serbaguna  
Studio  
Di Kompleks Penyiaran RTB  
Sungai Akar)

**Bayaran Tawaran:**

BND500.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**

19 Ogos 2025 2.00 Petang



**Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 40 / 25 - 26 :  
Perkhidmatan Jamuan Aktiviti  
Latihan Pusat Perkembangan  
Penyiaran Untuk Tempoh Dua (2)  
Tahun

**Bayaran Yuran (termasuk  
e-dokumen):**  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**  
BND5.00 (jika perlu dan tidak  
dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**

Rabu,  
9 Julai 2025,  
jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
1 / BBS / SDSFJBKBS /  
2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Supply and Delivery of Rubber  
Stamp for Pejabat PLB, Bahagian  
Korporat dan Bahagian  
Pengangkutan dan Logistik,  
Jabatan Bandaran Kuala Belait  
dan Seria

**Bilangan Tawaran:**  
2 / BBS / SDSFJBKBS /  
2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Supply and Delivery of Office  
Equipment Jabatan Bandaran  
Kuala Belait dan Seria

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Non Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
8 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Nama Dokumen Sebut Harga:**  
Mencetak Buku Terbitan Dewan  
Bahasa Dan Pustaka Kementerian  
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**  
08 / DBP / SH / 2025-2026

**Harga Borang Sebut Harga:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 2 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang.



**Sebut harga Bagi Perkhidmatan  
/ Pembekalan:  
The Provision of Security Guard  
Services for the Headquarter of  
Brunei Darussalam  
Meteorological Department,  
Ministry of Transport And  
Infocommunications, Negara  
Brunei Darussalam.**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JKBD / 2025 / SH-11

**Tarikh Tutup:**

Rabu,  
23 Julai 2025  
sebelum jam 9.00 Pagi.

**Kepada;**  
Pengerusi

Jawatankuasa Sebut harga  
Jabatan Kajicuaca Brunei  
Darussalam  
Jabatan Kajicuaca Brunei  
Darussalam  
Blok B23, Flat Anggerek Desa  
Simpang 32-37, Kampong  
Anggerek Desa  
Bandar Seri Begawan BB3713  
Negara Brunei Darussalam



**Tawaran Bagi**

**The Supply, Delivery and  
Installation of New Fence with  
Barbed Wire, Repainting of  
Wind Mast and ELCB Shelter,  
And Replacement of Outdoor  
Signage for The Low-Level  
Wind Shear Alert System  
(LLWAS), Brunei Darussalam  
Meteorological Department**

**Bilangan Tawaran:**  
JKBD / 2025 / SH-09

**Tarikh Tutup:**

Rabu  
16 Julai 2025

**Kepada:**  
Pengerusi

Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Kajicuaca Brunei  
Darussalam  
Tingkat 1 / Aras Permukaan,  
Blok B23  
Flat Anggerek Desa,  
Simpang 32-37  
Kampung Anggerek Desa,  
Mukim Berakas BB3713  
Negara Brunei Darussalam.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

Makluman Sebut Harga  
Outward Bound Brunei  
Darussalam (OBBD)  
Kementerian Kebudayaan Belia  
Dan Sukan

**Bilangan Tawaran:**  
KKBS / OBBD / F-003  
(01-2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Peralatan Dan  
Perkakas Kegiatan Darat, Air Dan  
Tali Menali Di Outward Bound  
Brunei Darussalam (OBBD)  
Kementerian Kebudayaan, Belia  
Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Selasa  
1 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SUPAPHSB / 2025-2026  
Perkhidmatan Pengurusan Dan  
Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Bagi Sekolah Ugama Pengiran  
Anak Puteri Hafizah Sururul  
Bolkiah, Berakas  
Kawasan Brunei IIA Bagi  
Tempoh 24 Bulan.

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SASHHB, RIMBA / 2025-2026  
Perkhidmatan Pengurusan Dan  
Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Bagi Sekolah Arab Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah, Rimba  
Bagi Tempoh 12 Bulan.

**Tarikh Tutup:**

Rabu,  
13 Muharam 1447H / 9 Julai  
2025M,  
tidak lewat jam 2.00 Petang



**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Tawaran:**  
JPKK / JKSH2526-QTN.04 /  
ADM

**Tajuk Tawaran:**  
Membekalkan Pelbagai Alat Tulis  
Bagi Jabatan Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Dan  
Ekonomi

**Bilangan Tawaran:**  
JPKK / JKSH2526-QTN.05 /  
FSS

**Tajuk Tawaran:**  
The Supply and Delivery of  
Four Hundred (400) Pieces of  
Negara Brunei Darussalam's  
Flag 4' X 8' Woolen Bunting Sewn  
with State Colour And State Crest  
in Red Colour On Both Sides for  
The Treasury Department,  
Ministry of Finance and Economy

**Bilangan Tawaran:**  
JPKK / JKSH2526-QTN.06 /  
FSS



**Tajuk Tawaran:**

The Supply and Delivery of  
Fourteen Thousand  
(14,000) Pieces of Negara Brunei  
Darussalam's Flag 3' X 6' Cotton  
Printed with State Colour and  
State Crest in Red Colour on One  
Side for The Treasury Department,  
Ministry of Finance and  
Economy

**Tarikh Tutup / Jam:**  
5 Julai 2025  
Sabtu  
9.00 Pagi

**Tempat Menghantar Tawaran:**

Peti Sebut Harga,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tingkat 2, Tower Block  
Bangunan Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive, Jalan  
Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-79 /  
2025 / 14

**Tajuk Tawaran:**  
Jamuan Bagi Penuntut-Penuntut Sekolah Yang Menyertai Acara Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun 2025

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-79 /  
2025 / 15

**Tajuk Tawaran:**  
Jamuan Bagi Mesyuarat, Latihan Persembahan Khas Dan Acara Kemuncak Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun 2025

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Isnin  
7 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang


**JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Makluman Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Tawaran:**  
RTB / 02 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Integration, Testing, Commissioning And Training Of The Newsroom Computing System (NRCS) For Radio Television Brunei With Maintenance And Support Services

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
8 Julai 2025,  
Selasa,  
2.00 Petang


**UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM**
**Pengiklanan Jawatan Kosong  
Peraturan 38(a)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja

**Jawatan:**  
Pegawai Tugas-Tugas Khas  
Tingkat I

**Tangga Gaji:**  
B.3  
(BND3,880 - BND4,240)

**Kekosongan:**  
1

**Jabatan:**  
Universiti Brunei Darussalam

**Menghadapkan Borang  
Permohonan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:  
<https://tinyurl.com/PTTKT1UBD2025>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 9 Julai 2025.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:  
Satu (1) Laporan Sulit Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)  
Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Dokumen-dokumen berkenaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Pejabat Sumber Tenaga  
Manusia  
Universiti Brunei Darussalam  
Jalan Tungku Link, Gadong  
BE1410  
Negara Brunei Darussalam  
[U.P: Bahagian Pengambilan]**

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:  
[admin.recruitment@ubd.edu.bn](mailto:admin.recruitment@ubd.edu.bn).  
Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (shortlisted) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



**Bilangan Tawaran:**  
08 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Kerja-Kerja Pembaikan Bangunan Gerai Kompleks Sri Selera, Jalan Bunga Kemantin, Seria.

**Bilangan Tawaran:**  
09 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Kerja-Kerja Mengecat Bangunan-Bangunan Perniagaan Kerajaan Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

**Bilangan Tawaran:**  
10 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Kerja-Kerja Pembaikan Elektrik Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
16 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 155 / 2025 / ESTETRI-PASH (TC)

**Keterangan:**  
Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Steam Boiler And Associated Accessories At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 157 / 2025 / PPN (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 160 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 161 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 162 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 163 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup:**  
8 Julai 2025  
tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Replacement Of Electrical Lighting And Accessories At Airport Fire Service Station, Brunei International Airport**

**Bilangan Tawaran:**  
DCA / AFS / 2025-2026 /  
SH-04

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
9 Julai 2025

**Kepada :**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Bahagian Kewangan,  
Bangunan Ibu Pejabat,  
Lapangan Terbang  
Antarabangsa Brunei  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam


**Jabatan Perkhidmatan  
Pengurusan  
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
JPP / 1 / 3 / 16 / 2 / 25-26  
Pembuatan Piala Bagi Anugerah Inovasi Perdana Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025

**Yuran Sebut Harga (E-dokumen):**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
25 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**  
(10-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Tawaran:**  
Pembekalan Barangan Keperluan  
Asasi Bagi Keperluan Bencana  
Daerah Belait Untuk Tempoh 18  
Bulan

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
1 Julai 2025



**Bilangan Tawaran:**  
(09-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Tawaran:**  
Pembekalan Barangan Keperluan  
Asasi Bagi Keperluan Bencana  
Daerah Brunei-Muara Dan  
Temburong Untuk Tempoh 18  
Bulan

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 1 Julai 2025



JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran :**  
JBT / S / 07 /  
2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**  
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja  
Membaiki Kerosakan Kecil dan  
Mengecat Baharu Blok D  
(JKR 924) Di Kompleks  
Pasarneka dan Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
9 Julai 2025  
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**

11 / JS / A / 6 / 2008 PT.9  
Pelan Takaful Keluarga  
Berkelompok Bagi Pegawai  
Penguatkuasa Undang-Undang  
Jabatan Hal Ehwal Syaria'h  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Bagi Tempoh  
Mulai 1 Julai 2025 Hingga 31  
Disember 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
6 Muharram 1447H /  
2 Julai 2025M  
Jam 2.00 Petang



**Jabatan Hal Ehwal Syariah  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran :**  
13 / JS / A / 14 / 2024 PT. 2

**Keterangan:**  
Tawaran Pembelian Kenderaan 12  
Seater Bahagian Penguatkuasaan  
Ugama Daerah Brunei Muara

**Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 1 Julai 2025



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
II & III sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR/DBSKB/018/2025

**Nama Projek:**  
Pembersihan Koridor Jalan Raya Di  
S sepanjang Jalan Labi, Daerah Belait

**Nombor Projek :**  
2025ADKB / 2106 / 002-001-003

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Kelas:**  
IV & V sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR/DBSKB/019/2025

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja  
Penyelenggaraan Jalan Raya  
S sepanjang Jalan Utama Dan Kecil Di  
Mukim Kuala Belait, Mukim Kuala  
Balai Dan Mukim Seria Dalam  
Tempoh 24 Bulan.

**Nombor Projek :**  
2025ADKB / 2106 / 002-001-002

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Kelas:**  
V sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Bilangan Tawaran:**



JKR/DBSKB/020/2025

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja  
Penyelenggaraan Jalan Raya  
S sepanjang Jalan Utama Dan Kecil Di  
Mukim Liang, Labi Dan Bukit Sawat  
Dalam Tempoh 24 Bulan.

**Nombor Projek :**  
2025ADKB / 2106 / 002-001-001

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen  
Tawaran Pada :**  
15 Julai 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
29 Julai 2025 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Kelas:**  
II & III sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR/DBSKB/021/2025

**Nama Projek:**  
Pembekalan Dan Pemasangan  
Pam-Pam Pembentukan (Wet-Well  
And Dry-Well Types) Di Stesen Pam  
Daerah Belait – Kumpulan B

**Nombor Projek :**  
2025ADKB / 2106 / 002-003-007

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen  
Tawaran Pada :**  
8 Julai 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
22 Julai 2025 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي قرحدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

### BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK  
\$10,000  
DAN PENJARA SELAMA  
2 TAHUN**



### PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN  
TATATERTIB DAN BOLEH  
DITAMATKAN PERKHIDMATAN  
DENGAN SERTA-MERTA.**



# BENGKEL MENEROKA PENYELESAIAN TENAGA MAMPAN



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**PENOLONG** Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani semasa berucap (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada The Opportunity Framing Workshop.

menghubungkan keselamatan makanan dengan keusahawanan akar umbi di mukim dan kampung.

Dalam usaha kita bergerak ke arah peralihan tenaga tambahnya, daerah ini berada pada kedudukan yang baik dengan ruang untuk meneroka penyelesaian tenaga yang mampan yang sejajar dengan matlamat iklim di negara ini.

Bengkel berkenaan bukan sahaja untuk bertukar-tukar pandangan dalam kalangan peserta akan tetapi mengemukakan cadangan sebenar dan praktikal yang boleh menggerakkan untuk menghidupkan semula (*revitalizing*) Daerah Belait.

Juga hadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Awang Abdurrahman bin Abdul Aziz; Ketua Kumpulan Revitalize Belait Team, Awang Dannie Azurra bin Haji Abu Basrah, pegawai dan kakitangan kerajaan daripada pelbagai industri.



**BELAIT**, Rabu, 25 Jun. - Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani berkata, legasi Daerah Belait selama beberapa dekad telah memacu kemajuan negara secara literal melalui peranannya dalam minyak dan gas. Tetapi warisan sahaja bukanlah rancangan untuk masa depan.

Awang Muhammad Faiq menjelaskan perkara berkenaan dalam ucapan alu-aluannya semasa pelancaran The Opportunity Framing Workshop yang berlangsung di Brunei Shell Recreation Club, Panaga, Seria, di sini.

Beliau seterusnya menambah, perniagaan pertanian dan pemprosesan makanan menawarkan laluan lain yang

## Membentuk generasi celik Al-Quran, beriman, bertakwa



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Majlis Khatam Al-Quran sememangnya satu tradisi yang sangat bermakna dalam sistem pendidikan ugama di negara ini. Ia bukan sahaja menjadi simbol kejayaan murid-murid Darjah VI setelah melengkapkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran tetapi juga sebagai satu pengiktirafan terhadap usaha mereka dalam memahami dan menghayati ajaran Islam.

Selain itu, ia juga menjadi wadah untuk mendekatkan diri kepada Al-Quran yang mana para pembacanya memperoleh pahala dan rahmat berlipat ganda serta keberkatan dari sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan kehadiran ibu bapa serta sokongan daripada pihak sekolah dan Jabatan Pengajian Islam, majlis sebegini turut berperanan dalam mengukuhkan

**PENOLONG** Pengarah (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan menyampaikan sijil khatam kepada peserta (atas kiri), manakala gambar kiri dan atas kanan, antara pelajar yang diraikan di sekolah masing-masing.



**Kanser Kolorektal**

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

**Penyebab bagi:** 1 dalam 10 kanser lelaki, 1 dalam 5 kanser wanita

**Faktor Risiko**

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

**Langkah Pencegahan**

- Tidak merokok
- Mengendalikan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

**Tanda-Tanda Kanser Kolorektal**

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>



semangat beragama dan membentuk generasi yang celik Al-Quran, beriman, beramal dan bertakwa.

Lebih daripada sekadar satu perayaan, ia adalah satu langkah penting dalam memastikan kesinambungan pendidikan Islam dan penghayatan Al-Quran dalam kehidupan seharian bagi generasi muda di negara ini.

Sehubungan dengan itu, petang tadi Sekolah Ugama Rimba (BSM) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 80 murid Darjah VI yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Acara diadakan di Dewan Kolaboratif, Sekolah Menengah Rimba.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah

beramai-ramai diketuai oleh tetamu khas majlis, diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam diikuti bacaan Takhtim, bacaan Doa Khatam dan Persembahan Dikir.

Acara diselajurkan dengan penyampaian sijil khatam oleh tetamu khas majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sementara itu, majlis serupa juga diadakan di Sekolah Ugama Batu Marang bagi meraikan seramai 24 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran. Acara diadakan di Bilik Solat, sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei IIB, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Salmaya binti Haji Asmat, yang juga memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah, dan kemudiannya menyampaikan sijil kepada para peserta khatam di penghujung majlis.



**PEMANGKU** Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Hafneh hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran (atas), manakala gambar kanan, antara pelajar yang diraikan.

#### Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**MULAUT**, Khamis, 26 Jun. - Sekolah Ugama Masin pagi tadi meraikan seramai 36 murid Darjah VI yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Mulaut.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Hafneh yang turut memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim

oleh para peserta khatam diikuti dengan bacaan Takhtim. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Abdul Mateen bin Syaefulloh Syukur.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Asyraqal dan menyaksikan penyampaian sijil kepada para peserta khatam oleh tetamu khas majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Fauzi bin Haji Abd. Ghafar.

Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan ugama di negara ini adalah bertujuan untuk merayakan pencapaian para murid Darjah



VI yang telah berjaya menyempurnakan bacaan 30 Juzuk Al-Quran sebagai tanda kesungguhan mereka dalam memperkasa bacaan dan pemahaman Al-Quran.

Ia juga merupakan platform untuk memupuk kecintaan terhadap Al-Quran sejak usia muda, serta memperkukuh nilai-nilai murni dan jati diri Islam

dalam kalangan murid.

Di samping itu, majlis ini menjadi salah satu usaha untuk menggalakkan penyertaan ibu bapa dan masyarakat dalam menyokong pendidikan agama anak-anak serta sebagai penutup bermakna kepada perjalanan persekolahan mereka di peringkat rendah.

Selain itu, majlis-majlis Khatam

Al-Quran yang diadakan di persekolahan ugama di negara ini juga adalah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan hidup beragama, di samping sebagai usaha pihak Jabatan Pengajian Islam dalam sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.

## Menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara

#### Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**JERUDONG**, Khamis, 26 Jun. - Pengiktirafan sebagai warganegara Brunei Darussalam memberikan peluang kepada para penerima untuk menikmati hak dan keistimewaan penuh sebagai rakyat negara ini, selain membuka ruang untuk mereka menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara.

Rata-rata penerima yang ditemui pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-42 yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX petang tadi menzahirkan rasa gembira dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan tersebut.

Salah seorang penerima, Dayangku Junaidah binti Pengiran Haji Japar menjelaskan, beliau telah menduduki peperiksaan untuk mendapatkan Sijil Taraf Kerakyatan sebanyak tiga kali sebelum akhirnya berjaya.

"Alhamdulillah, selepas

dianugerahkan taraf kerakyatan ini, segala urusan termasuk perkara yang melibatkan kad pengenalan dan pasport menjadi lebih mudah tanpa perlu keluar negara," katanya kepada media.

Sementara itu, Awang Hajis bin Mohammad pula berkata, beliau telah menanti selama 20 tahun untuk mendapatkan taraf kerakyatan berkenaan dan berasa sangat bersyukur atas pengiktirafan tersebut.

"Ia bukan sahaja pengiktirafan, tetapi juga satu amanah kepada kami sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) dan kami berazam untuk sedaya upaya membantu dalam memajukan NBD,"

**DAYANGKU** Junaidah binti Pengiran Haji Japar dan Dayang Khairuni binti Haji Mohd. Imran (kanan dan kanan sekali).

ujarnya.

Manakala impian Awang Abdul Izzat bin Anver sejak kecil untuk menjadi rakyat NBD akhirnya tercapai setelah menerima Sijil Taraf Kerakyatan pada hari ini.

"Saya berharap dapat memainkan peranan sebagai rakyat negara ini dalam sama-sama menyumbang ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035," ujarnya.

Dayang Khairuni binti Haji Mohd. Imran, juga salah seorang penerima, menzahirkan rasa syukur menjadi rakyat NBD kerana negara ini adalah sebuah negara yang aman dan damai, serta menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat dan penduduknya.

"InsyaaAllah, saya berhasrat untuk menjadi seorang rakyat yang memberikan sumbangan kepada negara khususnya dalam bidang pendidikan, bagi melahirkan generasi yang berkualiti pada masa hadapan," ujarnya.

**AWANG** Abdul Izzat bin Anver dan Awang Hajis bin Mohammad (kiri dan kiri sekali).



# OPERASI BERSEPADU TERUS GIAT DILAKSANAKAN



OPERASI bersepadu ke atas beberapa buah premis perniagaan (kiri dan kanan).

Harga, Penggal 142.

Berikutan itu, Syarikat Soon Lee Mega Mart telah dikenakan denda kompaun BND500 kerana gagal mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barangan yang dijual di dalam premis perniagaan.

Selain itu, satu notis amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi susu tepung formula, barang yang dikawal harga di bawah Akta.

Para pembeli juga dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isi padu, ukur panjang dan lebar, alat-alat tersebut mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT.

Para peniaga diingatkan untuk mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dengan memastikan barangan yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul.

Harga maksimum bagi barangan yang dikawal boleh diperoleh dari laman sesawang JPES di [www.deps.mofe.gov.bn/cad](http://www.deps.mofe.gov.bn/cad).

Bagi sebarang pertanyaan



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti berikut, iaitu Unit SDT melalui e-mel [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau talian +673 2383142; dan JHEP, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).



## PPDB adakan Latihan Tembak pada 1 hingga 3 Julai 2025

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Tembak yang akan diadakan selama tiga hari bermula 1 hingga 3 Julai 2025 pada jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut yang mana latihan tembak akan dijalankan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Jun. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan operasi bersepadu ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Tutong pada Isnin, 16 Jun 2025.

Ia merupakan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara rutin dalam memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151.

Operasi sepadu juga

menguatkuasakan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan barangan yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, serta barangan yang dijual untuk dibubuh tanda harga yang jelas bagi memelihara kebajikan pengguna.

Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak 18 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151 dan Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat SDT 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).

Semasa operasi berkenaan, JPES turut mendapati dua kesalahan di bawah Akta Kawalan

## Jangan mudah percaya maklumat palsu

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Baru-baru ini, satu video tular di media sosial yang memaparkan seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) kononnya menyampaikan mengenai kemunculan 'wang ajaib' telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang awam.

Pihak PPDB ingin menegaskan bahawa video berkenaan adalah palsu dan berkemungkinan dihasilkan melalui teknik manipulasi seperti deepfake atau Kecerdasan Buatan (AI).

Orang ramai juga diingatkan agar tidak berkongsi atau

menyebarkan sebarang video palsu yang memaparkan nama, imej atau suara mana-mana individu atau agensi, termasuk pihak berkuasa.

Tindakan sedemikian bukan sahaja tidak bertanggungjawab, malah berpotensi menyebarkan maklumat yang mengelirukan serta membuka ruang kepada penipuan dan boleh didakwa di bawah Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148), yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda sehingga BND3,000, jika sabit kesalahan.

PPBD memohon kerjasama semua pihak untuk bersama-sama membanteras skim penipuan yang kini semakin canggih dan licik dalam memperdaya individu yang kurang berpengetahuan dan menyarankan untuk mendapatkan maklumat sahih melalui saluran rasmi.

Orang ramai boleh terus melaporkan mengenai maklumat palsu di Talian Darussalam 123 atau melalui talian WhatsApp ke talian +673 8333123.

Maklumat juga boleh dilaporkan melalui media sosial di mana maklumat palsu berkenaan tersebar atau melaporkan kepada Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT).

## Serbuan berjaya tumpaskan kegiatan tidak bermoral

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menjalankan satu serbuan di sebuah bilik hotel di kawasan Gadong, Bandar Seri Begawan, hasil maklumat orang awam berkaitan kegiatan tidak bermoral.

Serbuan yang dijalankan sekitar jam 7.45 malam semalam telah

membawa kepada penahanan tiga individu, iaitu seorang lelaki warganegara tempatan berusia 36 tahun dan dua wanita warganegara asing berusia 34 dan 48 tahun yang dipercayai terlibat secara langsung dalam kegiatan pelacuran.

Kesemua suspek bersama barang-barang rampasan telah dibawa ke Pejabat USPPPM untuk siasatan selanjutnya.

Mereka disiasat di bawah Seksyen 294A Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 atas

kesalahan menawarkan khidmat seks, yang boleh dihukum penjara tidak melebihi satu tahun dan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

PPDB menasihatkan orang ramai agar tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan maksiat atau tidak bermoral.

Pihak polis juga mengalu-alukan kerjasama orang awam untuk menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan seumpama ini agar tindakan segera dan sewajarnya dapat diambil demi menjaga keamanan dan keharmonian negara.



**SERBUAN** yang dijalankan membawa kepada penahanan tiga individu yang dipercayai terlibat secara langsung dalam kegiatan pelacuran.



# Ilal Hijrah - Menuju kecemerlangan melalui Hijrah

## Apa itu Ilal Hijrah?

**I**LAL Hijrah merupakan tahun baharu dalam kalendar Islam, khususnya awal Muharam, yang sangat bermakna bagi umat Islam kerana ia meraikan peristiwa sejarah penting, iaitu penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Madinah pada Tahun 622 Masihi. Peristiwa ini dikenang setiap 1 Muharam dalam takwim Hijrah, menandakan permulaan kalendar Islam.

Ilal Hijrah bukan sekadar sambutan bagi memperingati penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah tetapi ia juga adalah sebagai seruan untuk kita dalam melakukan penghijrahan dalam kehidupan iaitu daripada keburukan kepada kebaikan, kelemahan kepada kekuatan dan kejahilan kepada kefahaman Islam yang sebenar. Perubahan diri dan masyarakat ke arah yang lebih baik setentunya merupakan satu penghijrahan yang akan menentukan hala tuju hidup kita.

Secara keseluruhan, Ilal Hijrah bukan sekadar sambutan tahunan dalam kalendar Islam tetapi satu peringatan yang mengajak kita melakukan perubahan ke arah yang lebih baik dalam setiap aspek kehidupan. Ia membawa mesej yang relevan sepanjang zaman; tentang kekuatan iman, pentingnya perpaduan ummah dan keazaman untuk membina masyarakat yang berteraskan nilai-nilai Islam.

## Tema Ilal Hijrah

Pada tahun ini, tema bagi Sambutan Ilal Hijrah 1447 ialah 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampai'.

Sambutan Ilal Hijrah menjadi wadah mengingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat

dari Mekah ke Madinah sekali gus menjadi penyuntik semangat kepada umat Islam untuk bersama hijrah melakukan anjakan serta perubahan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup. Untuk mewujudkan dan membentuk masyarakat yang bersatu padu, dinamik dan maju maka penghijrahan itu adalah sesuatu perkara penting.

Bagi mencapai aspek kecemerlangan yang mapan dalam pendidikan, kemajuan teknologi, kekuatan ekonomi dan kestabilan sosiopolitik juga merupakan komponen penting dalam memacu kejayaan dan kecemerlangan. Namun sebagai umat Islam, apa jua bentuk kejayaan yang hendak kita raih atau realisasikan harus didasari oleh niat yang ikhlas mengingat bahawa segala amal dan ibadat mahupun hidup dan mati kita adalah kerana Allah Ta'ala semata-mata.

## Sambutan Ilal Hijrah

Di Negara Brunei Darussalam Sambutan Ilal Hijrah disambut dengan mengimarahkan masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada Khamis malam Jumaat, 26 Jun 2025 Masihi bersamaan 1 Muharam 1447 Hijrah. Antara pengisian utama acara ialah bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah dan Doa Awal Tahun Hijrah.

## Doa Akhir Tahun / Awal Tahun Islam

Tahun baharu Islam sebaiknya dimulakan dengan doa dan ini merupakan amalan baik yang disarankan. Doa ini bukan saja menjadi pengikat hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala tetapi juga sebagai satu usaha untuk memohon keberkatan dan petunjuk-Nya. Melalui pendekatan ini, kita dapat memperbaharui azam dan tekad untuk memperbaiki diri, masyarakat serta

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

Di negara kita, tradisi membaca Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Islam ini sudah dipraktikkan sejak dari dahulu lagi. Ini adalah satu cara untuk merenungkan pengorbanan serta kemenangan yang telah kita lalui dan ia menyuntik semangat baharu untuk terus melangkah ke hadapan dengan fikiran positif dan harapan bagi masa depan yang lebih baik.

Dengan tekad dan azam yang kuat, semoga Sambutan Ilal Hijrah 1447 ini menjadi titik tolak kepada transformasi dan kemajuan serta kecemerlangan ummah di negara ini dan juga di seluruh dunia. Marilah kita bersama menggapai matlamat untuk mencapai sebuah masyarakat yang sejahtera, berdaya saing dan berlandaskan nilai-nilai Islam.

## Bulan Muharam dalam takwim Islam

Kefahaman mengenai kemuliaan Muharam juga perlu diketahui hingga ia diambil sebagai bulan pertama dalam takwim Islam. Berdasarkan hadis riwayat Imam Al-Bukhari, ia antara empat bulan haram, iaitu dimuliakan dan ini dipraktikkan seperti tidak boleh berlakunya peperangan sepanjang tempoh itu.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Taubah, ayat 36 yang bermaksud "Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah 12 bulan, dalam kitab Allah Subhanahu Wata'ala semasa la menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati".

Antara amalan sunat yang digalakkan

sepanjang bulan Muharam ini adalah dengan melaksanakan puasa sunat. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bulan yang paling baik untuk berpuasa selepas Ramadan ialah puasa pada Muharam. 10 Muharam ialah satu tarikh sangat penting dan dimuliakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hingga disunatkan untuk berpuasa, iaitu dipanggil Al-Asyura. Bagaimanapun, Mazhab Syafii menyatakan sunat untuk kita berpuasa pada 9,10 dan 11 Muharam. Antara fadilat terbesar puasa pada 10 Muharam yang tidak sepatutnya diabaikan adalah diampunkan dosa seorang hamba itu bagi tempoh setahun yang lalu.

## Kesimpulan

Peristiwa hijrah mengandungi hikmah yang besar sekali peranannya dalam pembangunan serta kecemerlangan ummah. Ini kerana pengertian hijrah adalah luas dan bergantung kepada individu, namun matlamatnya jelas untuk mengubah keadaan sedia ada kepada kedudukan lebih baik bukan saja bagi kehidupan di dunia tetapi juga sebagai bekalan menuju akhirat nanti.

Semoga Tahun 1447 Hijrah ini akan memberikan semangat baharu untuk kita menjalani kehidupan berbakti. Semoga dengan penghayatan terhadap makna sebenar Ilal Hijrah, kita mampu menjadikan Tahun Baharu Hijrah ini sebagai titik permulaan untuk memperbaiki diri, memperkukuh institusi kekeluargaan dan menyumbang kepada pembangunan ummah yang lebih berdaya saing dan sejahtera.





# Mengetahui lebih dekat, kepelbagaian institusi Kesatuan Eropah

Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

**S**EBAGAIMANA penjelasan secara ringkas mengenai Kesatuan Eropah atau European Union (EU) sebelum ini, EU terdiri daripada tiga tonggak institusi yang penting iaitu The European Commission, The European Parliament (EP) dan akhir sekali, The Council of The European Union.

Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels diteruskan dengan berkunjung ke Bangunan European Parliament dan menyaksikan sendiri akan kesibukan dan kerancangan aktiviti liputan serta pelbagai program yang dijalankan di bangunan tersebut.

## Mengenal secara ringkas EP

Pada sesi ini, para jurnalis membuat kunjungan ke Bangunan EP dan bertemu dengan Deputy Spokespersons, Spokesperson Unit, Directorate - General for Communications yang seterusnya menyampaikan taklimat mengenai bagaimana EP berfungsi dan sebagainya.

EP secara ringkas ialah salah satu institusi utama EU. Ia merupakan satu-satunya institusi EU yang dipilih secara langsung oleh rakyat di semua negara anggota EU. Ditubuhkan pada tahun 1952 (sebagai Perhimpunan Umum Eropah) dan menjadi parlimen sepenuhnya pada tahun 1962. Pilihan raya langsung pertama berlangsung pada tahun 1979 dan ibu pejabat parlimen terletak di Strasbourg, Perancis, dengan pejabat tambahan di Brussels, Belgium, dan Luxembourg.

EP adalah tonggak penting demokrasi dalam EU, berperanan sebagai suara rakyat Eropah, dan bertindak sebagai pembuat undang-undang, pengawal belanjawan,

serta pengawas institusi lain. Ia juga semakin memainkan peranan penting dalam hal ehwal antarabangsa dan dasar luar EU.

Selain itu, para jurnalis juga berpeluang untuk mengikuti taklimat yang bertajuk 'DASE (EP Delegation to ASEAN)' dan disampaikan oleh Policy Officer for Southeastern Asia and ASEAN.

DASE, atau dalam bentuk penuhnya Delegation for Relations With the Countries of Southeast Asia and the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), adalah delegasi EP yang bertanggungjawab menjalin dan mengukuhkan hubungan antara EP dan Negara-negara Asia Tenggara, termasuk ASEAN sebagai sebuah organisasi serantau.

## Press Centre bagi EP Press, perkhidmatan komunikasi

Semasa di dalam bangunan parlimen, para jurnalis diberikan peluang untuk mengadakan lawatan ke Press Centre bagi EP Press dan juga beberapa perkhidmatan komunikasi. EP Press dan perkhidmatan komunikasi merupakan cabang komunikasi rasmi EP yang bertanggungjawab menyampaikan maklumat kepada media antarabangsa, serantau dan nasional; warga EU; institusi lain; masyarakat umum di dalam dan luar EU malah ia juga memainkan peranan penting dalam memastikan ketelusan, keterlibatan awam, dan akses kepada maklumat berkaitan kerja dan keputusan EP.

Setentunya, pengalaman ini memberikan satu gambaran hebat akan kesaksamaan EU dalam memastikan ketepatan informasi dan kaedah-kaedah dalam penyiaran sama ada secara langsung dan sebagainya.

## Kepentingan alam sekitar

Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels juga diteruskan lagi dengan mendengarkan taklimat dan penerangan daripada Press and Media Officer, Directorate - General Environment - European Commission yang bertajuk 'Biodiversity, Plastic Treaty and EU Deforestation Law'.

Semasa dalam taklimat ini, para jurnalis berpeluang mendengarkan akan kepentingan EU dalam menjaga alam sekitar dan berkongsi kemanafaatannya bersama rantau antarabangsa. Perkara ini memang diakui di mana kebanyakan tempat di Brussels tidak menawarkan beg plastik malah orang ramai lebih menggunakan beg kitar semula dalam sama-sama mengurangkan lagi pencemaran namun EU masih berdepan dengan lebih banyak isu-isu mengenai penggunaan plastik.

Manakala bagi EU Deforestation Regulation (EUDR) adalah undang-undang penting yang bertujuan mengurangkan penebangan hutan dan kemerosotan hutan yang berkaitan dengan penggunaan produk di EU. Peraturan ini memastikan bahawa komoditi tertentu yang dijual atau diekspor dari EU tidak berkaitan dengan penebangan hutan selepas 31 Disember 2020.

## Kepelbagaian budaya

Seterusnya, para jurnalis juga berpeluang mendengarkan taklimat bertajuk 'International Cultural Relations (ICR)' yang disampaikan oleh perwakilan dari Head of Sector, Global Communications and Public Diplomacy. Dalam taklimat ini, secara ringkas menerangkan akan kepentingan dan kepelbagaian budaya di dalam EU di mana 27 buah negara akan terdapat pelbagai budaya masing-masing.

Justeru, dalam memperkenalkan akan kepelbagaian budaya itu, EU sentiasa mengadakan ekspo atau jelajah budaya ke luar dari EU sebagaimana yang dilakukan oleh mereka baru-baru ini di Jepun. Malah dalam perancangan, EU juga nanti akan mengadakan ekspo mengenai budaya EU di Arab Saudi.

ICR merujuk kepada usaha EU menggunakan budaya sebagai alat untuk memupuk dialog, saling kefahaman, dan kerjasama dengan negara-negara di seluruh dunia. Ia merupakan sebahagian penting dalam hubungan luar dan diplomasi EU.

Tujuan ICR tersebut adalah untuk mempromosikan kepelbagaian budaya dan warisan di seluruh dunia; mengukuhkan hubungan antara rakyat dan dialog antara budaya; menyokong pembangunan lestari melalui budaya; meningkatkan kuasa lembut (*soft power*) dan pengaruh global EU dan memupuk kerjasama dalam bidang seni, pendidikan, dan media.

## Mengadakan pertemuan

Dalam mempergiatkan lagi aktiviti, para jurnalis juga berpeluang mengadakan pertemuan bersama dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Belgium, Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar. Beliau juga merupakan Wakil Tetap NBD ke EU dan juga diakreditasi di beberapa negara Eropah lain termasuk Belanda, Luxembourg dan Hungary.

Semasa pertemuan ini, para jurnalis berkongsi informasi dan maklumat serta pengalaman di sepanjang mengikuti program berkenaan yang sedikit sebanyak membawa kenangan yang manis malah ilmu yang diperoleh akan dapat diaplikasikan dalam memberikan gambaran bagaimana EU itu berperanan.



# TRUMP SAHKAN PERJANJIAN PERDAGANGAN AS-CHINA DIMETERAI PADA RABU



WASHINGTON, 27 Jun. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengesahkan pada Rabu bahawa AS telah memeterai perjanjian perdagangan dengan China.

"Ya, kami baru sahaja menandatangani perjanjian dengan China semalam, bukan? Baru tandatangan dengan China," kata Trump dalam acara One Big Beautiful Bill di Rumah Putih pada Khamis, menurut laporan Anadolu Ajansi (AA), meskipun butiran perjanjian itu masih belum diumumkan secara rasmi. Beliau menambah bahawa

perjanjian itu menandakan langkah ke arah membuka pasaran China, sambil berkata: "Dalam perjanjian China, kami telah mula mendapat akses ke pasaran China. Sesuatu yang sebelum ini tidak mungkin berlaku".

Awal bulan ini, pegawai AS dan China mengadakan rundingan berkaitan tarif di London.

AS mula mengenakan tarif besar terhadap barangan import dari China pada April, namun kedua-dua pihak bersetuju untuk menarik semula sebahagian tarif itu secara sementara selama 90 hari pada Mei.

Trump turut memberi bayangan mengenai kemungkinan perjanjian perdagangan dengan India.

"Kami sedang usahakan beberapa perjanjian yang baik. Antaranya, mungkin dengan India - perjanjian yang sangat besar iaitu kami akan membuka pasaran India," katanya.

Beliau menyatakan AS telah mengutip AS\$88 bilion melalui kutipan tarif, menyifatkannya sebagai sesuatu yang indah.

Dalam acara sama, Trump mempromosikan pakej reformasi cukai dan perbelanjaan yang diterajui Parti Republikan, dikenali

sebagai One Big Beautiful Bill, dan menyifatkannya sebagai satu daripada rang undang-undang paling penting dalam sejarah negara.

Katanya, rang undang-undang itu akan mengukuhkan sempadan negara, melonjakkan ekonomi, dan mengembalikan impian Amerika.

Rang undang-undang berkenaan diluluskan Dewan Perwakilan bulan lalu dengan majoriti tipis, dan Senator Republikan kini sedang merangka pindaan sebelum dihantar semula untuk kelulusan akhir.

Jurucakap Rumah Putih, Karoline Leavitt memberitahu pemberita pada Khamis bahawa Trump menjangkakan rang undang-undang itu akan diserahkan kepadanya untuk ditandatangani sebelum 4 Julai.

"Kami menjangkakan rang undang-undang itu akan berada di meja presiden untuk ditandatangani sebelum 4 Julai," katanya. - ©BERNAMA

## Jepun laksana hukuman mati terhadap pembunuh bersiri babitkan 9 mangsa

TOKYO, 27 Jun. - Seorang lelaki yang disabitkan kesalahan membunuh sembilan individu dalam satu kes pembunuhan bersiri pada 2017 di Zama, wilayah Kanagawa, telah dihukum mati, lapor Kyodo News pada Jumaat memetik sumber terdekat.

Hukuman mati terhadap Takahiro Shiraishi, yang digelar 'pembunuh Twitter Jepun', dimuktamadkan pada 2021.

Anadolu Ajansi (AA) melaporkan bahawa Shiraishi menggunakan Twitter (pada masa ini dikenali sebagai X) untuk memperdaya mangsanya - kebanyakannya individu yang meluahkan hasrat untuk membunuh diri di media sosial - dengan menawarkan bantuan untuk mati atau menemani mereka ketika melakukan perbuatan itu.

Shiraishi didapati bersalah membunuh, memotong anggota badan, dan menyimpan mayat

mangsanya di apartmennya berhampiran Tokyo.

Menurut keputusan mahkamah, beliau memperdaya lapan wanita dan seorang lelaki berusia antara 15 hingga 26 tahun ke kediamannya antara akhir Ogos dan akhir Oktober 2017 sebelum mencekik dan memotong tubuh mereka.

Dia turut melakukan serangan seksual terhadap semua mangsa wanita dan mencuri wang mereka. - ©BERNAMA

## Syarikat pemula Nepal guna dron bersihkan sampah di Gunung Everest

ISTANBUL, 26 Jun. - Sebuah syarikat pemula (*startup*) dari Nepal mula menggunakan teknologi dron bagi mengangkat sampah dari Gunung Everest, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut laman sesawang Airlift Technology, sebuah dron berjaya melaksanakan ujian itu pada ketinggian melebihi 6,000 meter (19,685 kaki) dengan membawa muatan seberat 15 kilogram (33 paun).

"Muatan maksimum yang diuji di Kem Pangkalan Everest ialah 32 kilogram (70.5 paun)," kata syarikat itu sambil memaklumkan bahawa penghantaran sampah dari Kem 1

ke Kem Asas turut diuji dan disahkan berjaya.

Projek itu dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Luar Bandar Khumbu Pasang Lamhu, yang terletak di kawasan Gunung Everest, serta syarikat China, DJI - pengeluar dron terbesar di dunia.

Syarikat China itu turut menyatakan bahawa setiap pendaki dianggarkan meninggalkan sekitar lapan kilogram (17.6 paun) sampah di Everest.

Perjanjian yang dimeterai antara Yayasan Kebajikan Cimesh BYD (CBCF) dan Airlift Technology menyasarkan pengangkutan lebih

1,000 kilogram (2,204 paun) sampah dalam musim pendakian tahun ini.

Sejak 2019, kerajaan Nepal melancarkan pelbagai inisiatif tahunan untuk membersihkan gunung itu.

Menjelang 2024, usaha berterusan Nepal bagi membersihkan Gunung Everest dan puncak Himalaya lain berjaya mengumpul 119 tan sisa pepejal, selain menemukan 14 mayat pendaki serta beberapa rangka manusia.

Setakat tahun ini, dua pendaki dilaporkan maut ketika cuba menawan Gunung Everest. - ©BERNAMA

## Gencatan senjata beri peluang baharu kepada diplomasi

HAMILTON (Kanada), 25 Jun. - Wakil Tetap Iran ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Amir Saeid Iravani menyatakan bahawa gencatan senjata rapuh antara Iran dan Israel membuka ruang baharu untuk usaha diplomasi, sambil menegaskan bahawa percubaan Barat memaksa Tehran tunduk telah gagal.

"Kita kini lebih hampir kepada diplomasi berbanding sebelum ini," katanya dalam mesyuarat Majlis Keselamatan PBB (UNSC) mengenai isu pengawalan senjata pada Selasa, susulan 12 hari pertempuran sengit antara kedua-dua seteru serantau itu.

Beliau berkata peningkatan ketegangan baru-baru ini membuktikan kegagalan pendekatan paksaan yang bertujuan memaksa Iran menghentikan program nuklear aman negara itu.

"Perang berskala besar dan berpanjangan yang mereka sangka

boleh memaksa Iran menyerah kalah secara 'tanpa syarat' melalui ugutan, ancaman dan kekerasan telah gagal dengan nyata.

"Ini membuktikan satu hakikat mudah: diplomasi dan dialog adalah satu-satunya jalan untuk menyelesaikan krisis yang tidak perlu berkaitan program nuklear aman Iran," tegasnya di hadapan Majlis.

Iravani turut membantah kehadiran Israel dalam mesyuarat berkenaan, dengan alasan rejim itu tiada kedudukan sah dalam agenda mesyuarat.

"Dari sudut perundangan dan amalan terdahulu, Israel tiada hak untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat ini. Rejim ini tiada kaitan dengan agenda. Tiada Resolusi 2231 mahupun JCPOA," katanya, merujuk kepada Resolusi 2231 Majlis Keselamatan PBB pada 2015 yang mengesahkan Pelan Tindakan Komprehensif Bersama (JCPOA) berkaitan program nuklear Iran.

Beliau menuduh Israel melakukan pencerobohan jenayah dengan sokongan penuh Amerika Syarikat.

"Israel menyasarkan kemudahan nuklear aman Iran, orang awam dan infrastruktur.

"Serangan ini telah meragut ratusan nyawa orang tidak bersalah, termasuk wanita, kanak-kanak, saintis nuklear, ahli akademik, pelajar, petugas bantuan kemanusiaan dan pegawai tentera," katanya.

Iravani turut menegaskan komitmen Tehran terhadap prinsip pengawalan senjata nuklear, sambil menyatakan bahawa Iran terus mematuhi Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) dan membenarkan pemantauan meluas oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

"Iran kekal komited kepada diplomasi dan penyelesaian aman pertikaian," katanya. - ©BERNAMA

## 8 maut dalam kejadian tanah runtuh di Colombia

BOGOTA, 25 Jun. - Sekurang-kurangnya lapan orang terbunuh manakala lima lagi cedera dalam kejadian tanah runtuh yang berlaku awal pagi Selasa di daerah Bello, wilayah Antioquia di barat laut Colombia, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

"Dengan penuh dukacita, saya memaklumkan bahawa sekitar 3.25 pagi tadi, satu kejadian tanah runtuh berlaku di kawasan Granizal.

"Setakat ini, kami mengesahkan lapan kematian dan lima kecederaan," kata Datuk Bandar Lorena Gonzalez.

Beliau berkata tanah runtuh itu dipercayai berpunca daripada limpahan air Sungai La Negra yang turut menjejaskan 10 buah rumah di kejiranan El Pinar.

Gabenor Antioquia, Andres Julian memaklumkan bahawa semua sumber jabatan telah digerakkan bagi menangani situasi kecemasan itu.

Pasukan penyelamat masih meneruskan operasi mencari mangsa yang hilang, sementara penduduk tempatan mula berpindah dan mencari perlindungan di kem sementara berikutan risiko kejadian berulang. - ©BERNAMA

## Viet Nam mansuh hukuman mati bagi kes penyelewengan

HANOI, 25 Jun. - Perhimpunan Kebangsaan Viet Nam pada Rabu meluluskan pindaan terhadap Kanun Keseksaan negara itu, termasuk memansuhkan hukuman mati bagi lapan kesalahan seperti penyelewengan, lapor Xinhua memetik agensi berita Viet Nam.

Menurut laporan itu, undang-undang yang dipinda menetapkan bahawa hukuman penjara seumur hidup bagi kesalahan penyelewengan atau rasuah hanya boleh dikurangkan jika pesalah memulangkan sekurang-kurangnya tiga perempat daripada aset yang diseleweng serta memberi kerjasama kepada pihak berkuasa atau membuat sumbangan besar.

Selain penyelewengan, tujuh lagi kesalahan yang tidak lagi membawa hukuman mati ialah subversi, sabotaj terhadap infrastruktur, pengedaran ubat tiruan, penyeludupan dadah secara haram, pencerobohan perang, pengintipan dan rasuah.

Menteri Kehakiman, Nguyen Hai Ninh berkata pindaan ini akan mengukuhkan hubungan kerjasama berasaskan kepercayaan bersama serta mencerminkan keupayaan dan tanggungjawab agensi pengurusan serta kehakiman negara dalam konteks semasa.

Undang-undang yang dipinda itu akan dikuat kuasa mulai 1 Julai. - ©BERNAMA

## 4 maut, 5 cedera dalam kebakaran kapal tangki minyak di Batam

JAKARTA, 25 Jun. - Empat orang maut manakala lima lagi cedera dalam insiden kebakaran sebuah kapal tangki minyak sawit mentah yang sedang menjalani kerja penyelenggaraan di Pulau Batam, Indonesia, lapor Xinhua memetik media tempatan pada Rabu.

Mangsa merupakan juruteknik yang sedang melakukan kerja pembaikan ke atas kapal Federal II di PT ASL Shipyard Indonesia yang terletak di kawasan Batuaji.

Kebakaran dilaporkan berlaku sekitar 2.15 petang waktu tempatan pada Selasa ketika kapal itu dalam proses penyelenggaraan.

Ketua Polis Batuaji, Raden Bimo Dwi Lambang mengesahkan bahawa sembilan orang terlibat dalam insiden itu.

"Empat mangsa maut, lima terselamat. Jumlah keseluruhan mangsa ialah sembilan orang," katanya.

Mereka yang cedera sedang menerima rawatan perubatan.

Pihak berkuasa memaklumkan bahawa kebakaran berjaya dikawal sepenuhnyanya dan siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian. - ©BERNAMA

# PENDAKI TUNGGAL NEGARA TAKLUKI 7 SUMMIT CENTRAL JAVA



AMPUAN Saiful Rizal bin Ampuan Hussain berjaya mendaki 7 Summit Central Java Indonesia 2025 selama enam hari bermula dari 10 Jun hingga 15 Jun 2025 lalu (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Jun. - Pendaki tunggal negara, Ampuan Saiful Rizal bin Ampuan Hussain, 44 tahun, yang berasal dari Kampung Menengah, Temburong itu telah berjaya mendaki 7 Summit Central Java Indonesia 2025 selama enam hari bermula dari 10 Jun hingga 15 Jun 2025 lalu.

7 Summit Central Java Indonesia 2025 telah dijelajahi meliputi Gunung Lawu (3265 Meter Di Atas Permukaan Laut - MDPL),

Gunung Merbabu (3145 MDPL), Gunung Sumbing (3371 MDPL), Gunung Sindoro (3153 MDPL), Gunung Prau (2590 MDPL), Gunung Bismo (2365 MDPL) dan Gunung Slamet (3428 MDPL).

Seramai tujuh peserta mengikuti pendakian tersebut terdiri daripada peserta Negara Brunei Darussalam (NBD), seorang dari negara Malaysia, tiga dari Republik Indonesia serta seorang peserta, masing-masing dari Republik

Singapura dan Republik Persekutuan Rusia.

Sepanjang pendakian yang ditempuhi, Ampuan Saiful Rizal menjelaskan cabaran pertama semasa di Gunung Merbabu pada waktu Subuh dengan keadaan waktu hujan yang menyebabkan licin dan angin begitu agak kencang.

Sementara dalam mendaki Gunung Sumbing pula menggunakan laluan Rajawali yang agak sukar dan menaiki

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Ampuan Saiful Rizal Ampuan Hussain

menggunakan tali dan kemudiannya turun dengan mendakap ke dinding gunung untuk melalui ke bahagian sebelah. Keadaan jalan juga agak sempit dan sukar seperti menaiki rock climbing.

Bukan itu sahaja tambah beliau, cabaran juga ditempuhi dengan kebanyakan sekeliling gunung melalui hutan-hutan, batu-batu besar serta keadaan gunung berapi yang masih aktif.

Selain cabaran, Ampuan Saiful Rizal juga sempat menceritakan kenangan bersama sahabat-sahabat peserta lain dengan mempraktikkan kerjasama dan berganding bahu sehingga misi selesai.

Pengalaman lain seperti menyaksikan keindahan alam semula jadi dan kawah gunung berapi yang masih mengeluarkan asapnya, mereka juga sempat mengabdikan kenangan bergambar bersama dan menaikkan bendera negara masing-masing di puncak gunung.

7 Summit Central Java Indonesia 2025 merupakan pendakiannya kedua setelah Summit Sembalun Lombok Indonesia 2024 di samping kejayaannya dalam mendaki Gunung Rinjani pada tahun 2023 dan Gunung Kinabalu pada tahun 2003 dan 2007.

Harapan Ampuan Saiful Rizal seterusnya adalah untuk menyertai 7 Summit



World yang akan menjelajahi gunung-gunung tertinggi di serata dunia.

7 Summit ini katanya, untuk menguji keupayaan diri, ketahanan mental dan fizikal, daya tahan, kekuatan jati diri kerana bukan sesuatu yang mudah untuk dijelajahi dalam masa enam hari selain mengikut jalur dan laluan yang sukar.

Beliau juga melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada teman-teman dan ejen JE Adventure, Jemmy Effendy yang bertanggungjawab dalam menguruskan semua hal ehwal kebajikan baik dari segi pemakanan, tempat tinggal, permit kenderaan dan sebagainya demi kelancaran urusan dan perjalanan.

## SM YSHHB anjur Hari Sukan Tahunan 2025



SEKITAR Hari Sukan Tahunan 2025 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas (atas sekali, atas dan atas kanan).

**BERAKAS**, Khamis, 26 Jun. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) menganjurkan Hari Sukan Tahunan 2025 yang berlangsung dengan penuh meriah di Kompleks Sukan Berakas, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Pengarah Urusan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Haji Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad.

Acara dimulakan dengan perarakan lintas hormat oleh semua rumah sukan sekolah, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan Lagu SM YSHHB.

Kemudian acara diteruskan

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



dengan bacaan Surah Al-Fatihah sebagai pembuka majlis sebelum tetamu kehormat menyempurnakan perasmian Hari Sukan tersebut. Turut diadakan sesi perkenalan dan ramah mesra antara tetamu kehormat dengan ketua-ketua rumah sukan.

Pelbagai acara balapan telah dipertandingkan sepanjang pagi, antaranya Larian 100 meter (m), 200m dan 4x100m bagi Kategori Menengah Atas dan Menengah Bawah lelaki dan perempuan.

Sorakan padu daripada para pelajar dan guru-guru menyemarakkan lagi suasana di padang sukan, di samping kehadiran ibu bapa dan keluarga pelajar yang turut memberikan sokongan.

Rumah Brunei Muara telah dinobatkan sebagai johan

Perbarisan Lintas Hormat 2025, sementara Rumah Tutong berjaya meraih gelaran juara Keseluruhan Hari Sukan 2025 selepas mengungguli kutipan mata dalam acara sukan yang dipertandingkan.

Hari Sukan ini bertujuan untuk menyemai semangat kesukanan, memupuk kerjasama berpasukan serta menerapkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga sekolah.

Di samping itu, ia juga menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar, guru, ibu bapa dan pihak pengurusan sekolah.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang serta ucapan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program tahunan ini.

# Peluang sertai UBD Ruby Run 2025 pada 26 Oktober 2025



UNIVERSITI Brunei Darussalam semasa mengadakan Sidang Media bagi mengumumkan penganjuran acara larian iaitu UBD Ruby Run 2025 (atas dan kanan).

**TUNGKU LINK**, Rabu, 25 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan Sidang Media bagi mengumumkan penganjuran acara larian iaitu UBD Ruby Run 2025, yang bakal berlangsung pada 26 Oktober 2025.

Acara yang dinanti-nantikan itu akan bermula dari lokasi ikonik, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, dan menjanjikan satu pengalaman

menarik kepada para pelari dari pelbagai peringkat dan keupayaan.

UBD Ruby Run 2025 akan menampilkan tiga kategori utama iaitu Larian Santai (Fun Run) yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan tahap kemampuan; Larian 5 kilometer (km) yang terbuka kepada lelaki dan wanita yang ingin menguji tahap ketahanan mereka; dan Larian 10km yang juga

dibahagikan kepada kategori lelaki dan wanita, khusus buat pelari yang lebih berpengalaman.

Dengan semangat kebajikan dan kepedulian sosial, sejumlah 30 peratus daripada keuntungan acara ini atau BND1,000 - mengikut mana-mana jumlah yang lebih tinggi - akan disumbangkan kepada Tabung Anak-anak Yatim di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), bagi menyokong kebajikan anak-anak yatim di negara ini.

Naib Canselor UBD, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle, dijangka hadir menyempurnakan acara pelepasan larian pada hari tersebut.

Menurut Ketua Kemajuan, Pejabat Perhubungan Alumni dan Kemajuan (OARA), Lim Kok Shien juga selaku Pengerusi Bersama bagi UBD Ruby Run semasa sidang media itu berkata, "Kami teruja untuk menghimpunkan pelari dari seluruh negara dalam meraikan gaya hidup sihat, semangat komuniti dan nilai belas ihsan."

"Ruby Run 2025 bukan sekadar satu perlumbaan tetapi sebuah gerakan ke arah keterangkuman dan kebajikan".

Maklumat lanjut mengenai pendaftaran dan penyertaan boleh didapati melalui laman sesawang rasmi UBD di [www.ubd.edu.bn](http://www.ubd.edu.bn)

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

serta saluran media sosial universiti.

UBD juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penaja iaitu Imagine Sendirian Berhad selaku penaja platinum; BIPO Service (B) Sdn. Bhd. selaku penaja emas; Superwater Marketing Sendirian Berhad, Proton Sendirian Berhad, dan Cuckoo International (B) Sdn.

Bhd. selaku penaja perak dan You C1000 serta disokong oleh Treasure Cove, Nordinah Enterprise.

Orang ramai, sama ada pelari berpengalaman mahupun yang baharu berjinak-jinak dalam sukan larian, dialu-alukan untuk turut serta dalam acara yang menjanjikan hari yang menyeronokkan, sihat dan bermakna.



## PASUKAN HELANG SETIA RAIH KEJAYAAN PADA FESTIVAL PERAHU NAGA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Pasukan Helang Setia Negara Brunei Darussalam



**MELAKA, MALAYSIA**, Rabu, 25 Jun. - Pasukan Helang Setia, Negara Brunei Darussalam (NBD) yang beradu tenaga pada pertandingan Festival Perahu Naga Melaka 2025 Ke-40 telah berjaya memenangi tempat kedua dalam acara Maraton 8 kilometer (km) Terbuka yang berlangsung di Dataran Muara Sungai Melaka, Malaysia baru-baru ini.

Pasukan berkenaan berjaya menamatkan acara maraton tersebut dengan catatan masa 39:00:25 setelah pasukan Pacific West Dragon Boat 'A' mendahului dengan catatan 38:48:70 untuk berada di hadapan garisan penamat sekali gus menewaskan 19 pasukan yang lain.

Perlawanan yang berlangsung selama dua hari bermula dari 21 hingga 22 Jun 2025 berkenaan juga menyaksikan pasukan Helang Setia yang diketuai oleh Awang Mohd. Amirun Ilimi bin Shahron juga memenangi tempat ketiga dalam acara 200 Meter Lelaki Terbuka.

Acara berkenaan yang disertai sebanyak 28 pasukan dijuarai oleh pasukan Pacific West Dragon Boat 'A' dengan catatan masa 00:56:76, diikuti pasukan Pacific West Dragon Boat 'A' di kedudukan kedua dengan catatan masa 00:59:29, manakala pasukan Helang Setia berada di tempat ketiga dengan mencatatkan masa 00:59:60 dan pasukan RMP di tempat keempat dengan catatan

masa 1:00:56.

Pasukan Helang Setia berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500 bagi acara maraton, manakala RM1,000 dari acara 200 meter (m) di samping piala dan pingat.

Sehubungan dengan itu, pasukan Helang Setia berterima kasih kepada ahli pasukan yang begitu komited dan gigih bertungkus-lumus dalam mempersiapkan diri dengan latihan dan akan sentiasa meningkatkan usaha untuk memburu kejayaan pada perlawanan yang akan datang.

Perlawanan yang disertai berkenaan adalah sebagai salah satu usaha untuk menimba pengalaman dan kejayaan yang diraih itu juga akan dapat mempertingkatkan semangat juang untuk terus mempamerkan prestasi kerjasama dalam satu pasukan.

Festival Perahu Naga Melaka Ke-40 berkenaan menampilkan sebanyak 37 pasukan yang terdiri daripada NBD, Republik Singapura dan juga Malaysia menerusi empat kategori dipertandingkan, iaitu Maraton 8km Terbuka, 200m Terbuka, 200m Wanita dan juga 200m Mixed.

**PASUKAN Helang Setia**, Negara Brunei Darussalam memenangi tempat kedua dalam acara Maraton 8 kilometer Terbuka yang diadakan di Dataran Muara Sungai Melaka, Malaysia baru-baru ini (atas kiri dan kanan).





## MASJID PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK' ADAKAN WALKATON HIJRAH



ANTARA yang menyertai Walkaton Hijrah yang bermula dan berakhir di pekarangan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku dan Katok (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

**TUNGKU**, Jumaat, 27 Jun. - Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik bersama Majlis Perundingan Kampung Tungku dan Katok pagi tadi mengadakan Walkaton Hijrah yang bermula dan berakhir di pekarangan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku dan Katok.

Majlis yang bermula seawal jam 5.00

pagi itu didahului dengan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah yang diimamkan oleh Awang Zulfadli bin Haji Awang dan kemudian diselitkan dengan ceramah tentang hijrah dalam konteks kekeluargaan yang disampaikan Ketua Guru Ugama, Jerudong Park Medical Centre, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar.

Antara inti pati ceramah menekankan hijrah bukan sekadar perpindahan fizikal

dari satu tempat ke tempat lain, seperti yang dilakukan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah, hijrah juga bermakna perpindahan dari keadaan yang buruk ke keadaan yang lebih baik, dari kebiasaan yang tidak diredai Allah Subhanahu Wata'ala menuju kehidupan yang lebih taat dan diberkati.

Manakala dalam konteks keluarga, hijrah bererti membawa seluruh anggota keluarga menuju kehidupan yang lebih

Islamiah, harmoni dan penuh berkat.

Sebelum memulakan walkaton, para peserta terlebih dahulu membuat senaman ringan dan seterusnya memulakan riadah walkaton sejauh 2.4 kilometer yang disertai lebih kurang 40 peserta terdiri daripada orang ramai dan penduduk kampung sekitar.

Juga hadir menyertai acara berkenaan, Ketua Kampung Tungku dan Katok, Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan.

## Piala Lela Cheteria : Semua pasukan bersaing serentak

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 27 Jun. - Persaingan Liga Bola Sepak Jemputan Piala Lela Cheteria terus mencetuskan debaran apabila julung kali kesemua lapan pasukan bertemu serentak sekali gus sebagai medan ujian untuk mempertahankan dan memperbaiki kedudukan masing-masing, pada hujung minggu ini.

Di Kompleks Sukan Tutong, pasukan Kasuka FC yang mengemudi tangga teratas liga akan berdepan dengan Pasukan Shada FT pada sebelah pagi

sementara pasukan pencabar terdekat, Miri FA akan melayani Pasukan Supastrikas pada sebelah petang untuk memburu kemenangan bagi merampas kembali puncak liga.

Sementara itu, Pasukan Gergasi FC yang berusaha gigih untuk memperbaiki kedudukan akan melayani Pasukan Sports School FC pada sebelah pagi di Belapan dan Padang Berakas.

Pada sebelah petang, Pasukan Limbang FA yang belum pernah tewas bakal berusaha untuk mengekalkan rekod tanpa

kalah apabila menguji Pasukan PKT FT yang menang besar ke atas Pasukan Sports School FC, minggu lalu.

Ketua Jurulatih Pasukan Gergasi FC, Haji Mohd. Rosanan Samak menegaskan agar anak buahnya memberikan tumpuan sepenuhnya dan merealisasikan perancangan-perancangan yang dilakukan sepanjang latihan.

"Kemenangan sangat penting. Kita perlu berusaha gigih untuk memperolehnya. Jika pemain-pemain mampu menampilkan permainan yang berkesan, Pasukan Gergasi FC pasti akan mampu menambah mata dan memperbaiki kedudukan," ujar bekas bintang bola sepak kebangsaan itu.

Beliau mengakui persaingan liga terus sengit dengan setiap pasukan sudah memperkembangkan pasukan masing-masing sekali gus mewarnai kejohanan buat julung kalinya ini.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Miri FA, Ismail Lumut mengingatkan anak buahnya agar tidak leka malah perlu menumpukan sepenuhnya keberkesanan semua posisi.

"Semua pemain perlu komited dengan peranan masing-masing. Dengan persiapan yang kemas ini, saya yakin Pasukan Miri FA akan mampu memberikan persaingan yang sengit menentang Pasukan Supastrikas minggu ini," ujarnya.



PASUKAN Gergasi FC memantapkan persiapan menjelang pertemuan dengan Pasukan Sports School FC (kiri), manakala gambar kanan, Ketua Jurulatih Pasukan Gergasi FC, Haji Mohd. Rosanan Samak semasa menyaksikan sesi latihan berkenaan.

## Tahukah Awda

**M**ULAI pada tahun 2023, Sambutan Awal Tahun Hijrah akan mula disebut sebagai Sambutan Ilal Hijrah. 'Ilal Hijrah' bermaksud menuju kepada penghijrahan. Penghijrahan untuk memperoleh kejayaan dan kehidupan yang lebih baik. Nama khas bagi Sambutan Awal Tahun Hijrah ini dicipta untuk dibarigakan dan digunakan di seluruh negara sebagai pengenalan majlis sambutan berkenaan bagi menggantikan penggunaan nama khas pihak lain khususnya dari luar negara.

SUMBER : [www.mora.gov.bn](http://www.mora.gov.bn).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

JADIKAN TAHUN BAHARU HIJRAH INI SEBAGAI TITIK PERMULAAN UNTUK MEMPERBAIKI DIRI